


# Tempat Jatuh Lagi Dikenang

SATU CATATAN  
WARTAWAN VETERAN :  
KADIR AHMAD



TELAN DISEMAK

# Tempat Jatuh Lagi Dikenang

SATU CATATAN  
WARTAWAN VETERAN :  
KADIR AHMAD

*Dengan telus dan jujur daripada:*  
Institut Kajian Sejarah Dan  
Patriotisme Malaysia (IKSEP)



Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia  
(Malaysia Institute of Historical and Patriotisme Studies)

Cetakan Pertama 2004

Diterbitkan oleh

Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia  
GRAHA IKSEP  
No. 6-1, Jalan Mutiara Melaka 3,  
Taman Mutiara Melaka, Batu Berendam,  
75350 Melaka,  
Tel : 06-3174475/5450 6224  
Faks : 06-3172671

Semua hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua dari penerbitan ini boleh diterbitkan atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan--dalam--Penerbitan

Kadir Ahmad

Tempat Jatuh Lagi Dikenang--satu catatan wartawan veteran: Kadir Ahmad

Kadir Ahmad

ISBN 983-2600-12-X

1. Abdul Kadir Ahmad 2. Journalists--Malaysia--Bioraphy.

3. Autobiography I. Judul

920.5595

Huruf: Times New Roman

Saiz Huruf: 11/14

Rekacipta kulit dan dicetak oleh:

JASOS (M) SDN BHD

2004

m  
920.5595  
AKA

✓  
KB

30 NOV 2004  
NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
APB 01152696



10	Pra kata
11	Lahir di Belimbing Dalam, Besar di Singapura
15	Berkenalan Dengan YAB Datuk Seri Mohd. Ali Mohd. Rustam
26	Jadi Sidang Pengarang Suara Melaka
31	Bandar Hilir, Tempah Sejarah Dunia
36	Jadi wartawan Utusan, Melaka
40	Berkenalan dengan Ghafar Baba
47	Konfrantasi dengan Tan Siew Sin
52	Sambutan merdeka di Padang Bandar Hilir
56	Kongres Kebudayaan dan Rombongan Kesenian Indonesia
71	Ditawarkan jadi Wakil Rakyat
78	Perikatan menang 20 Kerusi DUN
82	Mendaki Gunung Ledang bersama Ketua Menteri
87	Peristiwa Mogok MWTC
97	Bertemu Dr. Hatta dan Pak Hamka
98	Kena pecat dari MAYC
101	Kalau Roboh Kota Melaka
111	Ghafar selamatkan Tunku daripada undi tidak percaya
115	Melawat Indonesia, tak dapat jumpa Presiden Sukarno
128	Difitnah jadi calon PR, berpindah ke Pahang
132	Ditawarkan kawasan Balak
136	Seronoknya bertugas di Kelantan
142	Perasmian jambatan kontroversi
149	Orang-orang Kelantan beri kerjasama kepada wartawan
167	Rantau Panjang dan Golok syurga beli belah
169	Tidak mahu balik semula ke Melaka
183	Dilantik jadi penyunting utusan Kuala Lumpur
168	Bertukar semula ke negeri Pahang
200	Menjadi wakil khas Utusan Melayu Pantai Timur
211	Dilantik jadi Ketua Pengarang Bintang Timur
227	Penutup
238	Keratan akhbar

## PRAKATA



Saya merasa amat bersyukur kerana impian untuk menerbitkan catatan pengalaman sebagai wartawan dikabulkan Tuhan.

Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB. Datuk Seri Haji Mohd. Ali Rustam (Ketua Menteri Melaka) yang telah mencadangkan supaya buku catatan "TEMPAT JATUH LAGI DIKENANG" diterbitkan oleh Institut Kajian Sejarah Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Saya juga tidak lupa untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu saya dalam penerbitan buku catatan TJLD ini, terutama kepada Perpustakaan Negeri Melaka dan Utusan Melayu Malaysia Berhad.

Saya yakin usaha ini menepati kehendak Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang ingin melihat wartawan-wartawan (terutama wartawan veteran) menulis atau mencatat pengalaman mereka untuk tatapan generasi kini dan akan datang, sebagaimana ucapannya di majlis Makan Malam Kelab Wartawan Utusan Melayu (KUUM).

Semoga Allah memberkati usaha yang tidak seberapa ini.

Kadir Ahmad,  
Kg. Melayu Sri Kundang,  
Rawang, Selangor Darul Ehsan,  
29hb. Disember 2003.

## LAHIR DI BELIMBING DALAM, BESAR DI SINGAPURA

Saya dilahirkan di Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Melaka, pada 29 Disember 1935. Sekampung dengan Sasterawan Negara A. Samad Said. Setelah berusia tiga bulan, saya dibawa ke Singapura kerana ayah, Allahyarham Haji Ahmad Ali bekerja di Singapura sebagai seorang anggota Polis.

Saya dibesar dan disekolahkan di Singapura sehingga tamat darjah tujuh Sekolah Melayu Kota Raja. Sejak di bangku sekolah lagi saya telah berjinak-jinak dengan dunia penulisan. Di akhir tahun persekolahan saya, iaitu pada tahun 1952, saya telah menulis satu artikel menegur pihak sekolah yang membiarkan para penjaja menjaja di luar sekolah. Saya berpendapat perbuatan itu boleh membahayakan murid-murid yang membeli makanan ringan di tepi jalan di luar sekolah tersebut. Tulisan tersebut ditegur guru penolong kanan Sekolah Melayu Kota Raja ketika itu, Cikgu Jamil Ahmad. Beliau kesal dengan tulisan saya dan berharap penulisnya tidak akan mengulangi perkara tersebut. Peristiwa ini telah mendorong saya untuk terus menulis dan menanam hasrat untuk menjadi "Orang suratkhabar" satu hari nanti.

Pada satu hari, saya telah dipanggil oleh Guru Besar Sekolah Melayu Kota Raja, Cikgu Jaafar Ahmad. Beliau memberitahu bahawa saya telah dipilih untuk menyertai latihan di akhbar Melayu Raya sebagai seorang pemberita. Di sinilah bermulanya penglibatan saya dalam dunia persuratkhabaran dan kewartawanan.

Saya bersyukur kerana kerjaya yang saya ceburi selama lebih 40 tahun itu telah melalui pelbagai pengalaman hidup. Bak kata peribahasa Melayu "Lama hidup banyak dirasa, jauh perjalanan luas pandangan". Ia akan menjadi sebahagian perbendaharaan pengalaman hidup yang akan dikenang hingga ke akhir hayat saya.



Penulis bersama isteri tercinta.

Selepas tamat darjah tujuh Sekolah Melayu Kota Raja, saya berkerja sebagai wartawan akhbar Melayu Raya. Saya kemudiannya bekerja dengan majalah HIBURAN dan dilantik sebagai Penolong Pengarang majalah HIBURAN, majalah yang terkenal ketika itu di Singapura sekitar tahun 50an. Majalah itu dipimpin Allahyarham Cikgu Harun Amirarshid, bekas Guru SITC atau sekarang ini Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim.

Saya telah pulang ke kampung pada bulan September 1955 kerana ayah bersara. Tambahan pula saya menganggur di Pulau Singapura ketika itu. Sebenarnya saya tidak menjangka akan menjadi wartawan Utusan Melayu di negeri Melaka. Pada masa itu, akhbar Utusan Melayu telah pun mempunyai seorang 'Stringer' atau 'Pemberita Sambilan', yang juga seorang ahli Dewan Undangan Negeri Melaka dan orang kuat UMNO Melaka ketika itu.

Selepas beberapa bulan pulang dari Singapura, seorang ayah saudara saya mengajak membuka sebuah kedai buku di Jalan Bunga Raya. Kedai buku itu saya namakan 'PUSTAKA ABKA' mengambil sempena nama pena saya ketika menulis cerpen dan rencana sewaktu di Singapura. Saya berpeluang berkenalan dengan ramai guru, penulis, ahli politik, tokoh tempatan serta tokoh agama di Melaka ketika menjadi 'Pengurus' kedai buku PUSTAKA ABKA.

Di Melaka ketika itu terdapat ramai penulis berkaliber seperti Ismail Ahmad (Ajikik), Mokhtar



Penulis bergambar dengan isterinya Inon Yahya di hari perkahwinan mereka di Kampung Bukit Kangkar, Sg. Mati, Muar pada 18 Jun 1959.

Yasin, Salleh Daud, Burhan Yaman (Burmy Melaka), Cikgu Yusof Harun, Ahmad Haji Abdullah (Hanifa, Melaka) dan beberapa orang lagi. Mereka adalah kawan-kawan penulis yang mengenali saya sejak giat menulis waktu di Singapura lagi.



Isteri penulis, Joan Yahya sedang bersalaman dengan Tun Ghafar Baba di majlis perkahwinan penulis yang berlangsung di Belimbing Dalam 20 Jun 1959.



Tokoh kebudayaan Singapura Cikgu Mahmud Alimud (nombor 3 dari kiri) bergambar bersama-sama buapa penulis, Allahyadlum Haji Ahmad (nombor 3 dari kanan) dan bekas Guru Besar Penulis di Singapura, Tahir Omar (kiri sekali) dan Pengarang majalah Hiburan Haji Ali (kanan sekali) sewaktu mengunjungi rumah penulis di Kampung Belimbing Dalam.



## BERKENALAN DENGAN DATUK SERI MOHD. ALI MOHD RUSTAM

Saya berkenalan dengan Datuk Seri Mohd. Ali Mohd. Rustam kira-kira pada tahun 1982. Ketika itu beliau bertugas sebagai Pengarah, Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Melaka (KEMAS MELAKA).

Beliau seorang anak muda yang tidak suka menonjolkan diri begitu *'Low profile'* sekali. Beliau seorang yang peramah dan melayan saya dan sesiapa sahaja yang dikenalnya dengan begitu mesra. Namanya belum begitu terkenal ketika itu.

Datuk Seri Haji Mohd. Ali ialah anak kelahiran Kampung Bukit Katil merupakan seorang yang begitu berminat dengan pelbagai kegiatan sosial, terutama kegiatan belia. Beliau dipilih menjadi Presiden Belia 4B pada satu perhimpunan agung pertubuhan itu yang diadakan pada tahun 1994.



Beliau bertanding buat pertama kalinya pada pilihan raya 1990 di kawasan Parlimen Batu Berendam. Beliau menang pada Pilihan Raya tersebut dengan mengalahkan calon Pas Ustaz Jalaluddin Wahid dengan majoriti yang besar.

Beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Pengangkutan kemudian Timbalan Menteri Kesihatan sehingga Pilihan Raya yang diadakan pada tahun 1992 apabila beliau bertanding sebagai calon Barisan Nasional kawasan Dewan Undangan Negeri Paya Rumpit.

Beliau dipilih menjadi Presiden WAY (*World Assembly of Youth*) pada Persidangan Perhimpunan Belia Sedunia. Beliau yang ketika

YAB Datuk Seri Haji Mohd. Ali Mohd Rustam,  
Ketua Menteri Melaka.

MOHD ALI



itu menjadi EXCO Kanan Kerajaan Melaka telah berjaya mendapatkan sekeping tanah untuk membina bangunan bagi Pertubuhan tersebut di Ayer Keroh.

Beliau dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka pada tahun 1999 setelah Barisan Nasional memenangi Pilihan Raya Kebangsaan kali yang ke 10.

Datuk Seri Mohd. Ali Rustam mempunyai gaya kepimpinan yang berkeyakinan, bersahaja, bekerja kuat serta mengutamakan kemesraan dengan rakyat dan membangun Melaka dengan bertujuan untuk menarik pelancong dengan slogan atau cogan katanya yang terkenal " MELAWAT MELAKA BERSEJARAH BERERTI MELAWAT MALAYSIA".

Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri sekarang sewaktu berucap pada satu majlis meraikan lawatannya ke Melaka berkata, Negeri Melaka bertuah kerana mempunyai seorang pemimpin muda yang sentiasa berfikiran terbuka untuk membangun negeri itu.

## JADI SIDANG PENGARANG SUARA MELAKA

Saya pernah berkhidmat sebagai sidang Pengarang akhbar rasmi Kerajaan Negeri 'SUARA MELAKA' selama 12 tahun iaitu dari tahun 1984 sehingga 1996.

Perlantikan tersebut dibuat oleh bekas Ketua Menteri Melaka yang ke-5, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Pada satu hari dalam tahun 1984, menjelang perhimpunan agung UMNO, Tan Sri Rahim telah memanggil saya " Kerana ada perkara penting".

Pada pertemuan itu Tan Sri Rahim telah menyatakan hasratnya meminta bantuan saya untuk memenangi kerusi Majlis Tertinggi UMNO yang beliau ingin merebutnya buat kali pertama.

Beliau berkata sebagai seorang wartawan saya sudah pasti dapat menolongnya.

Saya memberitahu Tan Sri Rahim bahawa perkara tersebut tidak menjadi masalah kepada saya, asalkan apa yang beliau laku dan katakan sesuatu yang munasabah dan " ADA NILAI BERITANYA" untuk disiarkan oleh akhbar.

Pada pertandingan pemilihan Majlis Tertinggi UMNO itu, Tan Sri Rahim telah berjaya dan kejayaan itu merupakan titik tolak beliau untuk terus naik ke peringkat lebih tinggi dan ia kemudian merupakan tangga beliau untuk memenangi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO di kemudian hari.

Saya telah ke pejabatnya untuk mengucapkan tahniah kerana kejayaannya itu. Tan Sri Rahim berkata, beliau terhutang budi dengan bantuan saya dan rakan-



rakan yang lain sehingga memenangi pertandingan pemilihan Majlis Tertinggi UMNO.

"Orang surat khabar memang ada pengaruh" kata Tan Sri Rahim.

Beliau kemudian berkata beliau ingin membalas "PERTOLONGAN" saya.

Saya memberitahu Tan Sri Rahim bahawa pertolongan saya itu tidak seberapa sangat dan tidaklah perlu dibalas kerana ia merupakan sebahagian daripada tugas saya sebagai wartawan.

"Saya hanya menjalankan kewajipan sebagai wartawan dan memang menjadi hasrat saya untuk melihat anak Melaka bertambah maju," tegas saya.

Tan Sri Rahim berkeras juga hendak membalas usaha saya memberi publisiti kepadanya semasa bertanding pemilihan majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1984.

Oleh kerana desakannya yang bertalu-talu, akhirnya saya berkata:

"Kalau Tan Sri hendak tolong saya, tolonglah lantik saya menjadi anggota sidang pengarang akhbar SUARA MELAKA".

Beliau kemudian memanggil Setiausaha Akhbarnya ketika itu, Ashaari Ibrahim yang menjadi Ketua Pengarangnya dan memberitahu bahawa saya dilantik menjadi anggota sidang pengarang SUARA MELAKA. Salah seorang pengarangnya ialah Othman Mohamad.

Saya datang ke Melaka seminggu sekali untuk membuat reka bentuk atau 'layout' dan penyuntingan berita atau rencana akhbar tersebut, sementara Othman mengumpulkan bahan-bahan Suara Melaka.

Bila Othman bertukar ke Bahagian Khas Jabatan Penerangan Melaka, Allahyarham Salim Kassim mengambil tempat Othman. Saudara Taib Baba kemudian turut menyertai kami sebagai Juru Foto Suara Melaka.

Khidmat kami iaitu saya, Allahyarham Salim Kassim dan Taib Baba telah ditamatkan (tanpa surat) bila penerbitan Suara Melaka dihentikan kerana menghadapi pelbagai masalah.

## BANDAR HILIR TEMPAH SEJARAH DUNIA

**S**alah satu peristiwa penting dalam sejarah tanahair ialah peristiwa Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Negara Malaya yang bertempat di Padang Bandar Hilir, Melaka tanggal 20 Februari 1956. Rombongan Perunding Menuntut Kemerdekaan diketuai Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Beliau telah mengisytiharkan tarikh kemerdekaan disaksikan lebih 100,000 rakyat daripada seluruh negara di Padang Bandar Hilir, Melaka.

Sebenarnya pemilihan Negeri Melaka – yang terkenal dengan jolokan Negeri Hang Tuah itu – adalah sebagai satu lambang mengenang sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Perkara pemilihan Bandar Melaka sebagai tempat Pengisytiharan Kemerdekaan Tanahair yang tercinta itu sebenarnya diputuskan pada Persidangan Tergempar UMNO yang diadakan di Melaka pada 16 April 1954.

Pada Persidangan Tergempar sebelum Tunku mengetuai Rombongan ke London tanggal Januari 1956, berlaku satu peristiwa yang amat mengharukan. Ia menggambarkan betapa patriotiknya rakyat kerana semangat berkobar-kobar mahu merdeka. Seluruh perwakilan termasuk Tunku amat terkejut dan terharu dengan pengorbanan spontan yang ditunjukkan perwakilan UMNO menghulurkan sumbangan derma untuk tujuan memenuhi hasrat mencapai kemerdekaan.

Tunku dalam ucapannya terharu sekali kerana para perwakilan UMNO terutama kaum ibu sanggup melucutkan barang-barang perhiasan yang dipakai untuk dijadikan sumbangan menuntut kemerdekaan tanahair.

Saya merasa terkilan juga ketika peristiwa Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Malaya di Padang Bandar Hilir kerana tidak dapat bersama-sama ratusan ribu rakyat lantaran berada di Singapura semula untuk satu tugas peribadi.



Ghaffar Baba mempengerusikan perbincuan menyambut kepulangan Rombongan Perunding menuntut kemerdekaan di Bandar Hilir, Melaka.

Bagaimanapun saya mengikuti siaran langsung Radio Malaya sepenuhnya ketika berada di Singapura seperti juga penduduk-penduduk Singapura. Saya memang tidak dapat melupakan pemergian Rombongan Menuntut Kemerdekaan Malaya pada 1 Januari 1956. Kebetulan pada hari itu, Badan Penuntut Persatuan Persuratan Melayu Singapura menganjurkan Peraduan Deklamasi Sajak di Sekolah Ingeris Raffles. Saya terlibat dalam Peraduan yang julung-julung kali diadakan itu dan dilantik sebagai Pengerusi. Kami telah memberhentikan Peraduan itu sementara waktu bagi memberi peluang para hadirin menyaksikan perarakan Rombongan Menuntut Kemerdekaan Malaya. Perlu juga dicatatkan di sini bahawa Rombongan Rundingan Menuntut Kemerdekaan itu terbahagi kepada dua pihak. Wakil-wakil Kerajaan Perikatan terdiri daripada YTM Tunku Abdul Rahman Putera Alhaj (Ketua Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri), YB Dato' Abdul Razak bin Hussein (Menteri Pelajaran), YB Kolonel H.S. Lee (Menteri Pengangkutan), YB Dr Ismail bin Dato' Abdul Rahman (Menteri Hasil Bumi) dan T. H. Tan (Setiausaha).

Manakala Wakil Raja-Raja Melayu pula terdiri daripada Dato' Panglima Bukit Gantang, Haji Abdul Wahab bin Haji Abdul Aziz (Menteri Besar Perak), Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid (Menteri Besar Selangor), Datuk Mohd. Seth (Timbalan Menteri Besar Johor), Datuk Nik Ahmad Kamil bin Haji Mahmud (Bekas Menteri Besar Kelantan) dan Abdul Kadir Shamsudin (Setiausaha). Rundingan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) itu telah mencapai kejayaan sebagaimana yang diharap-harapkan.

Sambutan kepulangan Rombongan Menuntut Kemerdekaan itu bermula di Lapangan Terbang Batu Berendam. Tunku dan rombongannya telah diarak dan diiringi berpuluh-puluh motosikal

Pelikan  
 "MERDEKA" oleh Tunku Abdul Rahman  
 di Padang Bandar Hilir, Melaka.



...to be published in the ...  
 ...to be published in the ...  
 ...to be published in the ...

... 8th February 1956

... for the ...  
 ... in accordance with ...  
 ... submitted to Her Majesty the Queen and ...  
 ... reasons will be published later.

... the Malayan Federation's desire that ...  
 ... institution as previously accepted ...  
 ... latent with the ignorance of the ...  
 ... that every effort will be made to ...  
 ... movement to achieve this by the time

*Donald MacGillivray*  
 Donald MacGillivray

*Mustafa bin Yusoff*  
 Mustafa bin Yusoff

*D. A. Scott*  
 D. A. Scott, Secretary-General

*Abdul Szak*  
 Abdul Szak

Leicester House,  
 London, E.C.1.  
 8th February, 1956.  
 (31813)



### 8hb. Februari 1956

Tuntutan Kemerdekaan dipersetujui dan ditandatangani di Lancaster House, London di antara Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Rombongan Merdeka-Perseluitan Tanah Melayu yang menghimpit kemerdekaan dengan Alan Lennov Boyd, Menteri Tanah Jajahan U.K.; bagi pihak Kerajaan British

Pemuda UMNO yang memakai baju rasmi mereka diikuti berpuluh-puluh buah kereta. Tunku berdiri di atas sebuah kereta sambil melambai-lambaikan tangannya kepada beribu-ibu rakyat jelata yang terdiri daripada pemuda-pemudi, orang-orang dewasa dan kanak-kanak yang datang dari seluruh pelusuk tanahair yang berdiri sepanjang jalan dari Batu Berendam ke Bandar Hilir.

Mereka menjerit-jerit melaungkan merdeka...merdeka...merdeka sambil melambai-lambai tangan ke arah rombongan Tunku menggunakan sapu tangan, songkok dan sebagainya bagi menggambarkan kegembiraan yang teramat sangat terhadap kejayaan rundingan menuntut Kemerdekaan di London itu. Keadaan di Padang Bandar Hilir bersesak-sesak dengan puluhan ribu rakyat menunggu ketibaan Tunku sambil meneriak merdeka...merdeka...merdeka ketika menyambut ketibaan rombongan itu. Mereka berhenti berteriak apabila Ghafar Baba selaku Pengerusi Majlis Sambutan itu memulakan ucapannya.

Orang ramai sanggup berdiri di dalam lautan manusia berjam-jam lamanya di tengah-tengah panas terik sambil bermandi peluh dan berhimpit-himpitan semata-mata mahu mendengar cerita dan ucapan Tunku mengenai rundingan rombongan Malaya menuntut Kemerdekaan daripada penjajah British.

Dalam ucapannya di depan puluhan ribu rakyat yang cintakan kemerdekaan, Tunku menceritakan satu demi satu proses perundingan itu sehingga ke kemuncak kejayaannya. Tunku mengucapkan terima kasih bagi pihak rombongan kerana kehadiran mereka di Padang Bandar Hilir.

“Kejayaan kami sekalian, pertamanya dengan berkat doa saudara-saudari sekalian dan Allah Subhanahu Wataala telah izinkan. Maka dengan izin Allah dapatlah kami bagi pertama kali dalam sejarah Tanah Melayu ini menurunkan tandatangan atas satu perjanjian yang menetapkan tarikh kemerdekaan.”

“Saya suka sebutkan di sini iaitu MELAKA lah tempatnya kita mengambil keputusan menghantarkan saya ke England untuk berunding di atas perkara pilihanraya.”

“Pada waktu diadakan Persidangan Agung Tergempar di Melaka tempoh hari, wang ringgit dan segala apa sahaja yang ada dalam badan saudara-saudara kita telah dicurahkan untuk derma kerana perbelanjaan saya pergi ke London.”

“Waktu itulah waktu yang susah sekali kerana pemergian saya ke London pada masa itu ialah menuntut pilihanraya menurut syarat demokrasi iaitu ahli yang dipilih oleh rakyat mahulah lebih daripada yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi.



Maka saya telah balik semula ke Tanah Melayu dengan tidak berjaya. Saya pada masa itu tidak menaruh perasaan kecil hati atau kecut hati bahkan sebaliknya kembang hati saya penuh dengan satu niat yang besar iaitu apa juga yang akan jadi saya akan melangkah ke hadapan sehingga kemerdekaan tercapai.”

Menurut Tunku pada mulanya beliau telah dijemput oleh parti-parti politik, termasuk UMNO Singapura supaya singgah di Pulau itu dalam perjalanan pulang.

Kata Tunku, pada mulanya rombongan itu dijangka akan balik pada siang hari, 18 Februari dan UMNO bersama-sama parti-parti siasah yang lain telah membuat persediaan secara besar-besaran untuk menyambutnya. Malangnya oleh sebab tergendala kapalterbang maka rombongan ini telah sampai di Singapura pada tengah malam, 19 Februari. Pada keesokan harinya iaitu 20 Februari, rombongan ini telah bertolak ke Melaka diiringi beratus-ratus Rakyat Singapura.

Pada ucapannya di Perhimpunan Raksasa di Bandar Hilir, Tunku telah menyebut satu perkara yang tidak disangka terjadi, iaitu bagaimana wakil Raja-raja Melayu telah “Bersatu Hati” dengan wakil-wakil Kerajaan Perikatan dalam menghadapi perundingan menuntut Kemerdekaan daripada Kerajaan British. Menurut Tunku, hal ini merupakan satu peristiwa penting di mana pihak Raja-Raja Melayu telah bersama-sama rakyat untuk menuntut Kemerdekaan. Ini juga merupakan faktor perundingan dengan Kerajaan British menuntut Kemerdekaan telah dicapai dengan mudahnya.

Diakhir ucapannya Tunku telah membaca Watikah Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu yang ditulis dalam TULISAN JAWI :

“Bahawa di dalam perjalanan sejarah manusia tidak ada suatu bangsa pun yang telah menyelamatkan dirinya jikalau bangsa itu berdiam diri memeluk tubuh selama-lamanya.

Sudah semestinya bangsa itu harus memilih antara dua arah maju atau mundur. Ini terserahlah kepada kesanggupan dan kesedaran bangsa itu menghadapi perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan.

Manakala rakyat itu di dalam keadaan berpuas hati dengan taraf dan kedudukan yang ada maka sentiasalah mereka merasa bimbang atas sebarang perkara yang harus membawa perubahan. Mereka akan merasa curiga terhadap sebarang langkah atau seseorang yang membawa fikiran atau pendapat-pendapat baru.

Tetapi kerana sejarah manusia adalah sejarah perubahan-perubahan dan kemajuan untuk mempercepatkan sesuatu yang lebih baik dan sempurna. Bangsa yang merasa kepuasan tadi akan tinggal semakin jauh ke belakang dan akhirnya hilang lenyap dan hanya akan ditimbulkan kembali oleh ahli sejarah yang akan datang.

Kita adalah amat beruntung kerana bangsa kita telah dikurniakan Tuhan Yang Maha Kuasa dengan ketabahan dan keberanian. Kita adalah satu bangsa yang pernah menikmati kebesaran dan mempunyai pusaka kebangsaan yang gilang gemilang. Sungguhpun perjalanan sejarah telah menukarkan nasib kita daripada satu bangsa yang hina dan terjajah namun kita masih tetap dapat mempertahankan anugerah-anugerah Tuhan yang berupa kebesaran jiwa, rasa kemuliaan, keadilan dan semangat yang tidak dapat dipatahkan. Sementara kita tertakluk di bawah penjajahan lebih daripada empat ratus tahun lamanya. Ketahuilah bahawa kita rakyat Malaya adalah bersatu di dalam maksud kita mencapai kemerdekaan secara perlembagaan dan pada hari ini maksud kita telah kita capai.

Dari itu dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Mengasihani saya atas nama rakyat Malaya mengisytiharkan bahawa Kemerdekaan Penuh Persekutuan Tanah Melayu ( di dalam Kommenwel) menurut perjanjian yang telah dicapai di London akan dilaksanakan pada 31hb Ogos 1957. Pohon Allah izinkan.”

Demikianlah satu sejarah bangsa telah tercatat di negeri Melaka dan sekaligus juga MELAKA TELAH MENEMPAH SEJARAH DUNIA DENGAN PERISTIWA YANG BERLAKU DI PADANG BANDAR HILIR PADA 20HB FEBRUARI 1956.

## JADI WARTAWAN UTUSAN NEGERI MELAKA

Saya menjadi wartawan akhbar Utusan Melayu di Melaka pada tahun 1956 secara kebetulan sahaja. Ketika berbual-bual dengan saya, Cikgu Burhan Yaman (Sekarang Datuk Burhan) telah menceritakan masalah yang dihadapi UMNO Melaka kerana kurangnya publisiti tentang kegiatan di negeri itu. Datuk Burhan telah mendesak saya supaya memohon Utusan Melayu dan kemudiannya melantik saya sebagai pemberita akhbar tersebut bagi Negeri Melaka.

"Saya tahu awak berbakat menjadi wartawan. Awak ada pengalaman dan pihak UMNO Negeri Melaka akan menyokong permohonan awak. Mintaklah," desak Datuk Burhan.



Datuk Haji Ahmad Abdulllah sedang berucap meraikan kunjungan muhibbah beberapa orang wartawan Utusan Melayu di rumahnya di Kampung Padang Kerbau, Durian Tunggal.



Bekas Ketua Pemuda UMNO Melaka, Datuk Burhan Yaman (Nombor dua dari kanan) dan Allahyarham Jaafar Tan, yang pernah bertanding melawan Ghafar Baba dalam pilihanraya Dewan Undangan Pesekutuan Kawasan Melaka Luar pada 22 Julai 1955.

Setelah berfikir panjang demi untuk masa depan, saya telah menulis surat kepada Othman Wok. Ketika itu, beliau merupakan Pengarang Berita, Utusan Melayu di Singapura. Jawapannya amat mengembirakan. Saya dilantik menjadi 'Stringer', (Pemberita Sambilan) Utusan Melayu pada bulan Mei 1956. Setelah berkhidmat selama lebih satu tahun sebagai 'stringer', akhirnya pada 1 Mac 1958 saya telah dilantik menjadi staf Wartawan Utusan Melayu di Negeri Hang Tuah.

## BERKENALAN DENGAN GHAFAR BABA

Saya telah menunjukkan surat perlantikan sebagai 'stringer' Utusan Melayu kepada Cikgu Burhan ketika beliau berkunjung ke kedai buku saya, beberapa hari setelah menerima surat perlantikan itu. Beliau mengajak saya ke pejabat UMNO yang terletak di tingkat dua di Mill Road untuk berjumpa dengan Ghafar Baba. Ghafar Baba dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Federal atau Federal Councillor bagi kawasan Melaka Luar pada Pilihanraya Umum 22 Julai 1955.

Setibanya saya di pejabat UMNO, saya lihat Ghafar (Sekarang Tun Ghafar) sedang tunduk dan tekun menulis sesuatu.

"Inilah Kadir Ahmad, pemberita Utusan Melayu, Melaka," kata Cikgu Burhan memperkenalkan saya.

"Baguslah tu, saya harap awak akan dapat menolong kami menyiarkan berita-berita kegiatan kami," kata Ghafar sambil terus menulis. "Awak bolehlah datang ke sini selalu," tambahnya lagi.

Ghafar, bekas guru sekolah Melayu kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Ayahnya berasal dari Kampung Sungai Udang, Melaka. Ibunya berasal dari Kuala P i l a h



Penulis duduk bersebelahan dengan Tun Ghafar Baba

Beliau lebih mesra di panggil "Cikgu" di kalangan kawan-kawan seperjuangannya. Sering berseluar pendek dan berkemeja putih, terkenal sebagai seorang wakil rakyat atau Ahli Undangan Federal yang mudah didekati dan mesra dengan orang ramai. Beliau juga selalu ditemui di warung-warung kopi untuk mengetahui masalah rakyat.

Tun Ghafar mulai dikenali ramai apabila beliau menjadi Pengerusi Sambutan Menyambut Kepulangan Rombongan Merdeka yang diketuai Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang diadakan di Padang Bandar Hilir pada 20 Februari 1956. Ucapan alu-aluan beliau yang begitu bersemangat dan berapi-api sentiasa mendapat tepuk sorak lebih 100,000 orang daripada seluruh negara yang membanjiri Padang Bandar Hilir ketika itu.

Tun Ghafar ketika menjadi Ahli Undangan Federal sehingga tahun 1959 juga terkenal seorang pemidato yang bijak dan mudah menarik perhatian orang ramai termasuk pihak media. Saya masih ingat lagi betapa ucapan-ucapan beliau di seluruh pelusuk Negeri Melaka menjelang kemerdekaan tanahair berjaya menarik perhatian orang ramai atau rakyat di kampung-kampung.



Beliau memberitahu mereka bahawa sebab utama kita menuntut kemerdekaan ialah kerana kita tidak mahu lagi menjadi hamba kepada penjajah.

"Kita telah dijajah lebih 500 tahun oleh penjajah bermula dengan bangsa Portugis kemudian diikuti Belanda, Inggeris dan Jepun."

"Kita tidak rela lagi menjadi hamba penjajah dan sudah sampai masanya kita menuntut kemerdekaan untuk menjadi tuan di atas bumi kita sendiri," kata Tun Ghafar Baba.

Penulis bersalaman dengan Ketua Menteri Melaka, Tun Ghafar Baba yang menghadiri majlis perkahwinan di Kampung Belimbing Dalam pada 20 Jun 1959.

Ucapan beliau yang sentiasa bersemangat itu disambut dengan pekikan dan teriakan merdeka oleh rakyat di setiap kampung yang memang berkobar-kobar semangat mereka ingin merdeka. Beliau juga menegaskan bahawa apabila kita merdeka semua estet akan diuruskan sendiri dan kita tidak akan mengizinkan hasil bumi negara ini diangkut oleh panjajah.

"Tuan-tuan tahu," kata Tun Ghafar, "bahawa anjing yang dipelihara manager-manager estet memakan daging tidak kurang dari dua kali sehari, tetapi kita rakyat setahun sekalipun susah untuk makan daging."

Saya ikut Tun Ghafar masuk kampung keluar kampung berkempen menuntut kemerdekaan dengan menumpang kereta Morris Minor beliau. Biasanya kempen-kempen menuntut kemerdekaan itu berakhir di kejauhan malam atau larut malam. Turut menyertai Tun Ghafar masuk ke kampung-kampung dalam kempen merdeka itu ialah Datuk Burhan Yaman dan Datuk Abdullah Haji Ahmad. Mereka berdua ketika itu adalah guru sekolah Melayu. Sebenarnya pejuang kemerdekaan ketika itu ramai yang terdiri daripada guru-guru sekolah Melayu yang sanggup mengorbankan masa, tenaga dan harta demi mencapai kemerdekaan negara tercinta.

Tun Ghafar sedang menunjukkan model bangunan Dewan Undangan Negeri Melaka kepada wartawan-wartawan media.  
Penulis paling kiri.



## KONFRANTASI DENGAN TAN SIEW SIN

Seorang lagi tokoh politik Melaka yang saya kenali pada awal kerjaya sebagai Swartawan Utusan Melayu ialah Tun Tan Siew Sin, Ahli Dewan Undangan Federal Melaka Tengah. Ada satu peristiwa yang berlaku antara saya dengan Tan Siew Sin yang ketika itu adalah juga seorang Ketua MCA Negeri Melaka. Peristiwa itu terjadi dua minggu sebelum menjelang Kemerdekaan Malaya.

Tun Ghafar Baba telah mengadakan satu sidang akhbar untuk memberitahu keputusan yang diambil UMNO Negeri Melaka berhubung perlantikan Gabenor Melaka yang pertama.

Kata Tun Ghafar, UMNO Negeri telah meminta Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman supaya melantik anak Melayu menjadi Gabenor Melaka Pertama.

Kata Tun Ghafar, sebabnya untuk mengembalikan kegemilangan sejarah Kesultanan Melayu, Melaka.

Apabila berita tersebut tersiar di Utusan Melayu, saya telah meminta komen Tan Siew Sin melalui telefon mengenai keputusan UMNO Melaka itu. Tan Siew Sin berkata bahawa beliau menentang keputusan tersebut dan menganggapnya sebagai tidak bijak.

Katanya "Jika UMNO mahu Gabenor pertama orang Melayu maka MCA juga mahu orang Cina dilantik sebagai Gabenor Negeri Melaka".

Tan Siew Sin menegaskan bahawa hak untuk melantik Gabenor Melaka yang Pertama terpulung kepada Tunku Abdul Rahman Putra yang menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihanraya yang diadakan pada 22 Julai 1955.

Kenyataan Tan Siew Sin yang disiarkan akhbar Utusan Melayu telah dijawab oleh UMNO Melaka yang menyatakan dukacita terhadap pendapat Tan Siew Sin dan beliau dianggap cuba campurtangan urusan UMNO Melaka.

Seminggu selepas berita itu, akhbar Utusan Melayu menyiarkan surat Tan Siew Sin di dalam ruangan surat pembaca menafikan berita tersebut dan menyatakan satu tindakan undang-undang akan diambil terhadap saya. Saya kemudian





TAN SIEW SIN

menjawab surat Tan Siew Sin itu dengan mengatakan bahawa saya ada menghubungi beliau melalui telefon meminta komen beliau mengenai keputusan UMNO tentang perantikan tokoh Melayu sebagai Gabenor yang pertama Negeri Melaka.

Saya menjelaskan oleh kerana pada hari itu mungkin beliau banyak menerima panggilan telefon mengenai keputusan UMNO Negeri Melaka beliau telah lupa yang salah seorang yang menelefonnya adalah saya yang telah memperkenalkan diri sebagai wartawan Akhbar Utusan Melayu.

Berikutan peristiwa itu saya telah **DIHARAMKAN** dari membuat liputan berita-berita lawatan beliau ke Melaka. Ketika itu Tan Siew Sin adalah salah seorang menteri Kabinet Kerajaan Persekutuan yang baru merdeka. Konfrantasi antara saya dan Tan Siew Sin telah berjalan selama hampir setahun.

Wartawan Straits Times ketika itu A. Sripaty (mendiang) yang telah memberitahu saya tentang kemarahan Tan Tan Siew Sin dan beliau tidak mahu melihat muka saya pada lawatannya di Melaka sebagai Menteri Kerajaan Persekutuan.

## SAMBUTAN MERDEKA DI BANDAR HILIR

Sambutan Kemerdekaan negara, Persekutuan Tanah Melayu yang berlangsung di Negeri Melaka pada petang 30 Ogos 1957 di Padang Bandar Hilir diadakan dalam suasana sederhana sahaja.

Pada upacara tersebut, Residen terakhir Melaka telah menerima bendera Union Jack yang diturunkan serta pembacaan perutusan pengisytiharan Kemerdekaan dilakukan oleh Ketua Menteri Persekutuan, Tunku Abdul Rahman Putra. Lebih kurang seribu orang telah menyaksikan upacara bersejarah itu. Rakyat Negeri Melaka untuk sekalian kalinya menyaksikan peristiwa bersejarah yang pernah berlaku di padang Bandar Hilir yang kemudiannya dinamakan Padang Pahlawan.

Menurut sejarah silam di padang inilah seorang pendakwah dari India bersembahyang Asar bersama pengikut-pengikutnya. Perbuatan bersembahyang di padang tersebut telah dikerumuni oleh orang-orang Melaka dan mereka telah menyampaikan khabar ini kepada Sultan yang kemudiannya telah memeluk Agama Islam.

Di Padang Pahlawan ini juga telah menyaksikan bagaimana hebatnya pahlawan-pahlawan Melayu Melaka memberi tentangan terhadap pencerobohan penjajah Portugis pada tahun 1511.



Bendera Union Jack diturunkan buat kali terakhir dan digantikan dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Di antara acara yang menarik diadakan sempena menyambut Kemerdekaan Tanah Melayu ialah Pentomin kedatangan rombongan Laksamana Cheng Ho ke negeri Melaka. Bersama-sama rombongan itu termasuklah Puteri Hang Li Poh yang dihadiahkan oleh Maharaja Cina kepada Sultan Melaka yang kemudiannya dijadikan isteri oleh Sultan.

Menurut sejarah, rombongan itu telah ditempatkan di satu kawasan di mana sekarang dikenali sebagai Kampung Bukit China. Di kampung inilah mereka telah membina tokong dan menggali sebuah perigi yang terkenal dengan nama Perigi Hang Li Poh.

Orang pertama yang dilantik Gabenor Negeri Melaka ialah Tun Leong Yew Koh yang berasal dari Negeri Perak. Ketua Menterinya pula ialah Datuk Othman Talib, yang berasal dari Perak. Bangunan Residen Melaka di zaman penjajahan Inggeris di atas bukit telah menjadi kediaman rasmi Gabenor Melaka. Manakala kediaman rasmi Ketua Menteri Melaka, ialah di Seri Peringgit.

Ada satu perkara yang agak melucukan berlaku ketika upacara menaikkan bendera Melaka. Bendera tersebut telah dipasang terbalik. Hanya akhbar berbahasa Inggeris Malay Mail menyiarkan berita tersebut. Saya sendiri tidak menyedarinya sehinggalah diberitahu wartawan akhbar tersebut, Wee Hock Chai.



Pada 31 Ogos 1957, pukul 12.01 dinthari di Padang Kelab Selangor bendera Union Jack diturunkan dan digantikan dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang dilakukan oleh Tuan Haji Hanizah Alang disaksikan oleh Tunku, Datuk Tan Cheng Lock, Datuk V. T. Sambanthan dan Dato' Sardon Jubir diikuti dengan laungan MERDEKA!

## KONGRES KEBUDAYAAN DAN ROMBONGAN KESENIAN INDONESIA

Salah satu peristiwa bersejarah yang berlaku di Negeri Melaka selepas merdeka ialah apabila ia telah dipilih menjadi tuan rumah Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan dari 30 Disember 1958 hingga 2 Januari 1959. Melaka telah dipilih kerana mengingatkan sejarah kegemilangannya di Zaman Kesultanan Melayu Melaka lebih 500 tahun dahulu. Lebih 300 perwakilan yang mewakili badan-badan budaya dan persuratan tanahair telah membanjiri Melaka kerana menghadiri Kongres yang amat bersejarah itu.

Sebagai salah seorang jawatankuasa Seranta dan Penerangan, saya turut memainkan peranan dengan memberi kemudahan-kemudahan penerangan dan sebagainya kepada wakil-wakil media yang membuat liputan, terutamanya kepada wakil-wakil Utusan Melayu di mana saya adalah salah seorang wartawannya di Melaka.

Kongres Kebudayaan itu turut disertai oleh wakil-wakil keturunan Melayu di rantau ini. Antaranya dari Indonesia, wakil-wakil orang Melayu Ceylon (Sri Lanka) dan Singapura.

Allahyarham Cikgu Yusoff Harun telah dilantik menjadi Pengerusi Sambutan dan penyelenggaraan Kongres yang telah ditutup oleh Allahyarham Tun Abdul Razak yang menjadi Menteri Pelajaran ketika itu. Cikgu Asmad atau Allahyarham Abdul Samad Ahmad telah dilantik menjadi Setiausaha Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang pertama.

Sesungguhnya Kongres itu telah berjalan dengan lancar dan membuat keputusan penting antaranya ialah "Menjadikan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan."

Ada beberapa perkara yang melucukan berlaku selepas Kongres itu. Seorang kakitangan Kongres yang bernama Mastura dari Kampung Tanjung Rimau telah berkahwin dengan seorang Pegawai Kedutaan Besar Indonesia yang bernama Abdul Rahman.

Seorang lagi peserta Kongres dari Singapura, bernama Abdul Ghani Hamid telah terpaut dengan seorang gadis dari Kampung Serkam dan kemudiannya mendirikan rumah tangga gara-gara jatuh cinta di Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Negeri Hang Tuah.

Susulan dari Kongres Kebudayaan itu, enam bulan kemudian, Pemerintah Indonesia telah menghantar satu rombongan kesenian negara tersebut melakukan lawatan muhibah ke seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Rombongan Muhibah Kesenian Indonesia itu turut membuat lawatannya ke Melaka dan mengadakan persembahan selama dua malam di panggung wayang City Park.

Sebagai wartawan, saya telah mengambil kesempatan bertemu ramah dengan beberapa orang peserta rombongan tersebut antaranya Aminah Chenderakasih, Beng Selamat, Sam Saimon, S. Affendy dan Saiful Bahri. Ada satu perkara yang melucukan berlaku apabila rombongan tersebut akan berangkat ke Seremban meneruskan lawatan muhibahnya. Pelawak terkenal yang turut menyertai rombongan Beng Selamat itu telah meminta saya menearikan sebotol cencalok untuk dibawa balik ke Indonesia. Menurut Beng Selamat ia suka dengan makanan tersebut. "Di Indonesia tidak ada cencalok", kata Beng Selamat.

S. Afendi pula begitu suka dengan masakan asam pedas Melaka. Beliau berkata, jika beliau datang lagi ke Melaka beliau akan cari asam pedas dan sambal belacan.



Pelawak Indonesia terkenal, Allahyarham Beng Selamat (Nombor dua dari kanan) sedang berborak dengan penulis sebelum berlepas ke Seremban. Beng Selamat meminta belikani "cencalok" untuk dibawa pulang ke Indonesia.

## DITAWARKAN JADI WAKIL RAKYAT

Walaupun tugas wartawan tidak mengira waktu, tetapi saya turut aktif dalam politik UMNO Negeri Melaka. Saya menyertai UMNO Cawangan Durian Tunggal ketika tinggal di Kampung Belimbing Dalam. Ketika itu kampung saya belum lagi ada cawangan UMNO.

Cawangan UMNO di Negeri Melaka amat sedikit sekali. Malahan UMNO Negeri Melaka yang ada dipimpin Tun Ghafar Baba, yang menang pada pilihanraya kerusi Persekutuan bagi kawasan Melaka Luar pada Pilihanraya yang diadakan pada 22 Julai 1955. Tun Ghafar menewaskan calon Parti Negara, Jaffar Mohd. Tan (Jaafar) yang juga merupakan seorang sahabat lama saya.

Saya sebenarnya tidak begitu berminat untuk berkecimpung dalam bidang politik kerana saya berpendapat, seorang wartawan hendaklah seorang yang bebas daripada pengaruh mana-mana parti. Saya dilantik menjadi ahli UMNO Cawangan Durian Tunggal atas desakan sahabat saya, Ahmad Abdullah yang menjadi Ketua UMNO Cawangan Durian Tunggal dan Burhan Yaman, seorang guru sekolah.

Mereka berdua adalah merupakan seorang penulis yang turut bergerak aktif dalam badan-badan bahasa. Ahmad Haji Abdullah yang terkenal dengan nama samaran Haniffa Melaka adalah salah seorang ahli Ikatan Persuratan Melayu (IPM), manakala Burhan Yaman pula ahli Lembaga Bahasa Melayu Melaka yang terkenal dengan nama samaran Burny seorang penulis sajak dan rencana.

Kami bertiga sering mengikuti Tun Ghafar menghadiri perjumpaan UMNO dan orang ramai ketika berkempen menjelang kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Sebagai wartawan, saya sering membuat liputan kempen Tun Ghafar dan lain-lain tokoh UMNO Melaka ketika itu seperti Hassan Mansor, Cik Noh (Ketua Kaum Ibu UMNO), Haji Johar Karim, Haji Talib Karim, Bulat Mohammad dan ramai lagi.

Saya pernah ditawarkan tempat sebagai wakil rakyat menjelang pilihanraya kebangsaan pertama selepas merdeka yang diadakan pada tahun 1959. Ceritanya begini, saya telah menjemput Tun Ghafar yang ketika itu ahli Dewan Undangan Federal kawasan Melaka untuk berucap pada majlis Israk Mikraj yang diadakan di Masjid Kampung saya. Saya telah menjemput Tun Ghafar, Hassan Mansor dan Cikgu Burhan ke rumah untuk makan malam yang diadakan bapa saya. Selepas

makan, kami berbual-bual hal-hal politik semasa, termasuk pilihanraya yang akan diadakan pada bulan Mei tahun 1959. Dalam perbualan itu, tiba-tiba Tun Ghafar berkata, beliau bercadang untuk mencalonkan saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Alor Gajah.

“Kami ingin mencari orang-orang muda seperti awak menjadi wakil rakyat. Saya percaya awak boleh menjadi wakil rakyat kerana pengalaman awak sebagai wartawan”, terang Tun Ghafar. Saya terkejut dan tergamam juga, Hassan dan Cikgu Burhan memandang saya dan mereka mendesak supaya saya menerima tawaran tersebut.

Saya mendiamkan diri agak lama juga dan menjawab bahawa saya tidak dapat menerima tawaran tersebut kerana saya baru dua tahun menjadi ahli UMNO. Tun Ghafar mencelah bahawa soal orang lama atau baru menjadi ahli tidak timbul kerana perkara itu beliau sebagai Ketua UMNO Negeri Melaka yang akan memutuskannya.



Datuk Haji Ahmad Abdullah (Haniffa Melaka) menandatangani bukunya yang dihadiahkan kepada beberapa orang wartawan Utusan Melayu yang mengunjungi rumahnya. Antara mereka, penulis novel *Desa pingitan*, Ibrahim Omar (nombor 3 dari kiri).

Setelah berfikir sejenak saya lalu menjawab :-

“Saya minta maaf kerana tidak dapat menerima tawaran Encik Ghafar. Saya hendak kahwin enam bulan lagi (Saya berkahwin pada 17 Jun 1959). Saya hendak mendirikan rumahtangga kerana saya berpendapat menjaga rumahtangga adalah lebih utama dari menjadi wakil rakyat.”

“Saya ingin hidup dan mati sebagai wartawan. Wartawan boleh jaga wakil rakyat, tetapi wakil rakyat tak boleh jaga wartawan,” kata saya.

Tun Ghafar berkata, “saya hargai dan sokong pendirian awak, saya faham.”

Itulah tawaran pertama dan terakhir Tun Ghafar. Dua orang sahabat saya, Hassan Mansor dan Cikgu Burhan kesal dengan penolakan saya.

Perikatan Cawangan Durian Tunggal telah mengadakan satu mesyuarat untuk merancang sambutan merdeka pada 31 Ogos 1957. Pada mesyuarat tersebut saya telah dipilih menjadi Naib Pengerusi sambutan kemerdekaan Perikatan Cawangan Durian Tunggal.

Selepas berkahwin, saya pindah ke Bandar Melaka dan tidak lagi giat dalam UMNO Cawangan Durian Tunggal. Saya akhirnya berhenti kerana ingin menumpukan perhatian kepada kerjaya sebagai wakil Utusan Melayu di Melaka apabila dilantik menjadi staf Utusan Melayu pada 1 Mac 1958.



Bekas Ketua Menteri, Datuk Seri Haji Adib Adam bersalaman dengan penulis yang berkunjung hormat ke pejabatnya sebagai Ketua Pengarang Bintang Timur.



## PERIKATAN MELAKA MENANG 20 KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI

Pilihanraya Kebangsaan Pertama selepas Merdeka telah diadakan pada Mei 1959. Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Melaka sebagai anggota Negeri-Negeri Persekutuan Tanah Melayu atau Malaya turut terlibat dalam Pilihanraya Kebangsaan yang pertama itu. Melaka telah diperuntukkan sebanyak 20 kawasan Dewan Undangan Negeri dan empat kawasan Parlimen iaitu Kota Melaka, Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah.

Perikatan Negeri Melaka telah meletakkan 20 calonnya untuk bertanding bagi merebut 20 kawasan Dewan Undangan Negeri dan empat kawasan Parlimen yang terdiri dari kawasan Kota Melaka, Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Dalam pilihanraya itu beberapa Parti Pembangkang turut meletakkan calon masing-masing. Parti-parti pembangkang tersebut terdiri dari Malayan Parti yang bertanding di kawasan Negeri Kota Melaka, PAS dan Sosialis Front (Gabungan Parti Rakyat dan Buruh). Ketika itu rapat-rapat umum terbuka dibenarkan, disamping ceramah dan kempen dari rumah ke rumah.

Parti Perikatan (Gabungan UMNO, MCA dan MIC) telah menyapu bersih 20 kerusi Dewan Undangan Negeri dan empat kerusi Parlimen. Dari 20 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan oleh Perikatan, 12 darinya terdiri daripada calon-calon UMNO, tujuh calon MCA dan seorang calon MIC. Di antara faktor kemenangan Perikatan ialah kerana masih berkobar-kobar semangat kemerdekaan negara yang dicapai sejak 31 Ogos 1957. Tun Ghafar Baba yang bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Tanjung Keling sebulat suara dipilih sebagai Ketua Menteri Melaka.

Sebagai Ketua Menteri Melaka pertama selepas merdeka, Tun Ghafar bertekad menunaikan janji-janjinya untuk menghapuskan kemiskinan yang membelenggu rakyat Melaka, yang telah dijajah hampir 500 tahun oleh Portugis, Belanda, Inggeris serta Jepun.

Beliau memberitahu para wartawan Melaka selepas mengangkat sumpah jawatan, beliau sedar betapa berat amanah yang dipikul ke atas bahunya dan betapa besar pengorbanan rakyat Melaka yang menyokong perjuangan menuntut kemerdekaan itu. Beliau berikrar untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Pemimpin Negeri Melaka yang merdeka dan berdaulat.

Di antara projek perintis yang dilaksanakan di bawah pimpinan Tun Ghafar ialah mengadakan Rancangan Menanam Semula Getah yang dilaksanakan pada tahun 1961. Kerajaan Negeri pimpinan Ghafar Baba telah merancang untuk menggantikan seluas 87,144 ekar kebun getah tua dengan anggaran perbelanjaan lebih RM12 juta. Di samping itu Kerajaan Negeri Melaka yang baru telah mengadakan satu skim membuka tanah baru di bawah Rancangan Blok Sekim.

Kawasan tanaman baru getah itu telah dijalankan di Bukit Apit seluas 1.600 ekar, Bukit Katil seluas 503 ekar, Lipat Kujang, Merlimau seluas 547 ekar dan Kampung Gubah 781 ekar. Satu lagi projek yang bertujuan untuk menghapuskan cengkaman "Orang Tengah" ke atas nelayan-nelayan pantai Melaka ialah melaksanakan projek syarikat kerjasama nelayan Kuala Linggi.

Saya masih ingat lagi bagaimana beberapa orang wartawan telah menaiki perahu menyusur sebatang sungai yang dipenuhi dengan kayu-kayu bakau di Kampung Kuala Linggi dengan Menteri Pertanian dan Syarikat Berkerjasama Aziz Ishak. Kerajaan Negeri Melaka telah memberi sokongan kuat terhadap usaha mendirikan sebuah kampung nelayan di Kuala Linggi.

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM300,000.00 untuk menjayakan projek Kampung Nelayan Kuala Linggi yang kemudian ditadbir dan diuruskan melalui Syarikat Kerjasama Nelayan Kuala Linggi. Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah bersama-sama melaksanakan projek yang julung-julung kali diadakan itu dengan membina 70 buah rumah di atas satu kawasan seluas 20 ekar di Kampung Nelayan Kuala Linggi, di samping mendirikan jeti untuk pendaratan ikan dan tempat simpanan ikan. Tetapi projek yang begitu penting dan diharapkan untuk membela nasib kaum nelayan berakhir dengan kegagalan beberapa tahun kemudian.

Tun Ghafar memberitahu saya bahawa faktor kegagalan projek idamannya untuk membela nasib nelayan-nelayan negeri Melaka ialah kerana sikap dan perbuatan setengah-setengah nelayan yang tidak bertanggungjawab.

"Saya kecewa dengan kegagalan projek Kampung Nelayan Kuala Linggi. Ini kerana ada di antara nelayan-nelayan itu sendiri mengkhianati projek Syarikat Kerjasama mereka dengan menjual ikan-ikan tangkapan kepada "Orang tengah" di tengah laut. Ada pula yang mengatakan jaring mereka hilang dan dicuri orang, pada hal apabila disiasat didapati jaring-jaring telah dijual kepada taukeh ikan," kata Tun Ghafar.

Projek Syarikat Kerjasama Nelayan Kuala Linggi itu pernah dilawati oleh bekas Naib Presiden Indonesia, Dr. Hatta, seorang tokoh Koperasi Dunia ketika melawat Melaka pada tahun 1961. Beliau memuji usaha Kerajaan Melaka yang bertujuan untuk membela kaum nelayan yang menjadi mangsa "Orang Tengah" selama ini.

Di bidang ekonomi pula kerajaan Melaka yang dipimpin Tun Ghafar Baba telah mendirikan sederet kedai yang diberikan kepada peniaga Melayu. Pada mulanya projek ini kurang berjaya, juga kerana sikap peniaga dan penjaja itu sendiri. Mereka tidak jujur menjayakan usaha tersebut.



Penulis bercukur bukan sebagai membayar nazar kerana Perikatan Melaka berjaya memenangi 20 kerusi Dewan Undangan Negeri Melaka pada pilihanraya kebangsaan pertama tahun 1959. Yang mencukur kepala penulis ialah anak kedua penulis iaitu Saiful Rashid.

## MENDAKI GUNUNG LEDANG BERSAMA KETUA MENTERI

Gunung Ledang yang terletak di antara sempadan Melaka dan Johor adalah sebuah gunung yang telah tercatat dalam sejarah lagenda Kesultanan Melayu Melaka. Ia menjadi begitu terkenal kerana cerita keinginan Sultan Mahmud Shah yang ingin memperisterikan Puteri Gunung Ledang yang cantik.

Saya telah berpeluang mendaki gunung tersebut bersama-sama rombongan yang diketuai sendiri oleh Tun Ghafar Baba yang menjadi Ketua Menteri ketika itu. Peristiwa perjalanan ke Gunung Ledang ini bermula di Melaka pada tahun 1960. Ini merupakan peristiwa yang menarik dan menyeronokkan dan menjadi ingatan kekal abadi selagi hayat di kandung badan.

Saya tidak pernah terlintas untuk mendaki gunung tersebut ketika menjalankan tugas sebagai seorang wartawan. Pendakian tersebut yang dilakukan Tun Ghafar Baba adalah bagi menunaikan nazarnya ketika berucap di masjid Nyalas iaitu sebuah kampung dalam daerah Jasin yang berhampiran dengan Gunung Ledang.

Kata Tun Ghafar, jika Parti Perikatan memenangi 20 kerusi Dewan Undangan Negeri Melaka dalam pilihanraya 1959 beliau akan mendaki Gunung Ledang.

Saya merasa sangat beruntung kerana diminta oleh Tun Ghafar Baba untuk menyertai ekspedisi tersebut. Di antara mereka yang menyertai rombongan ekspedisi Gunung Ledang ialah Ahli Parlimen Jasin, Allahyarham Hassan Mansor, beberapa orang ahli Dewan Undangan Negeri dan wartawan akhbar serta radio (Radio Malaya), Hashim Amir Hamzah.

Gabenor Melaka ketika itu, Tun Haji Abdul Malik Yusof telah melancarkan ekspedisi Gunung Ledang tersebut yang bermula dari Kolam Air Gunung Ledang. Sebelum rombongan bertolak, Ketua Menteri Melaka sambil bergurau memberitahu para wartawan bahawa rombongannya "Bukan nak pergi meminang Puteri Gunung Ledang".

Salah seorang wakil rakyat, Hassan Mansor terpaksa diusung keluar dari menyertai ekspedisi tersebut kerana beliau pengan ketika baru saja berjalan untuk mendaki gunung tersebut. Kami tiba di puncak Gunung Ledang kira-kira pukul lapan malam dan dapat melihat keadaan Melaka di waktu malam. Suasana ketika itu sangat menarik sambil melihat keadaan langit yang penuh dengan bintang yang berkelip-kelip.

Seorang penziar berbangsa Cina memberitahu kami sewaktu dalam perjalanan pulang bahawa beliau percaya di atas gunung itu ada orang tinggal. Katanya "Malam tadi saya dengar ada suara perempuan yang bercakap sesama sendiri menyatakan ramai orang tidur di situ".

Kata penziar yang namanya King Yek itu, "saya takut terus tarik selimut dan saya percaya di atas Gunung Ledang itu ada orang tinggal".



Penulis bergambar di puncak Gunung Ledang.

## PERISTIWA MOGOK MAKTAB PERGURUAN PEREMPUAN DURIAN DAUN

Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka atau nama singkatnya MPPM yang terletak di Kampung Durian Daun memang sudah terkenal ketika itu. Maktab ini telah melahirkan ribuan guru sejak ditubuhkan pada tahun 1930. Pada tahun 1960, satu perkara yang menggemparkan negara berlaku apabila bakal-bakal guru pelatih telah melancarkan MOGOK kerana membantah Pengetuanya seorang wanita Inggeris, Miss White.

Mereka membantah arahan Miss White supaya bersarapan dan makan di waktu tertentu menggunakan sudu dan garpu. Mereka menganggap ini sebagai satu penghinaan kerana ia bertentangan dengan budaya timur atau Melayu.



Penulis sedang bertanyakan sesuatu kepada Ketua Menteri, Ghafar Baba yang hendak keluar dari Maktab Perguruan Perempuan Melayu di Durian Daun kerana menyiasat berita pelajar-pelajar Maktab tersebut melancarkan mogok.

Saya telah mendapat maklumat ini melalui telefon daripada kakak ipar saya (Isteri Allahyarham Prof. Atan Long). Dia memberitahu pelajar-pelajar MPPM akan melancarkan mogok dan tidak mahu makan menggunakan garfu dan sudu sebagaimana diarahkan pengetua mereka.

“Kami akan melancarkan mogok itu mulai pagi esok”, kata kakak ipar saya sambil disokong oleh Yang Dipertua Persatuan Penuntut Maktab tersebut, Mariam Ibrahim yang berasal dari Kedah.

Pada hari esoknya, berita tersebut mendapat tempat di muka depan akhbar Utusan Melayu. Pihak Kementerian Pelajaran terkejut dan beberapa orang pegawainya telah datang ke Maktab. Saya juga pergi ke Maktab ingin berjumpa dengan Miss White tetapi tidak dilayan oleh pihak Maktab. Sewaktu menunggu di pintu pagar Maktab tersebut, tiba-tiba saya melihat kereta Ketua Menteri masuk ke kawasan Maktab. Saya menunggu selama setengah jam. Saya lihat Tun Ghafar Baba memberhentikan keretanya di depan pintu Maktab dan keluar dari kereta.

Jurufoto akhbar Sin Chew Jet Poh mengambil gambar Tun Ghafar yang berada dalam keretanya. Tun Ghafar membuka cermin keretanya sambil berkata tidak ada mogok yang berlaku.

“Tidak ada mogok. Cuma salah faham antara pengetua dan pelajar. Saya harap perkara itu dapat diselesaikan dengan baik”, kata Tun Ghafar.

Berita Tun Ghafar disiarkan akhbar Utusan Melayu. Pihak Persatuan Penuntut Maktab itu menafikan kenyataan Tun Ghafar dan mereka mengatakan bahawa pihaknya akan meneruskan mogok itu sehingga campur tangan pihak Kementerian Pelajaran. Mereka juga menuntut supaya Miss White dikeluarkan dari Maktab tersebut.

Akhirnya Menteri Pelajaran ketika itu Allahyarham Dr. Abdul Rahman Talib sendiri datang ke Maktab. Selepas mengadakan lawatan ke Maktab dan bertemu dengan pihak Persatuan Penuntut, Dr. Rahman Talib telah mengadakan sidang akhbar di pejabat Ketua Menteri. Beliau dengan keras menafikan adanya sebarang krisis atau mogok di Maktab tersebut.

“Utusan Melayu sahaja yang pandai-pandai mengatakan ada mogok. Wakil Utusan di Melaka sahaja yang mangatakan ada mogok. Pemberita Utusan di sini

jadi batu api”, kata Dr. Rahman Talib.

Saya telah mempertahankan kredibiliti akhbar Utusan dengan memberi bukti-bukti adanya mogok berlaku di Maktab tersebut. Saya menuduh pihak Kementerian Pelajaran hendak mempertahankan Miss White yang menjadi Pengetua Maktab tersebut. Tidak lama kemudian saya mendapat tahu bahawa Miss White ditukarkan ke Bahagian Latihan Kementerian Pelajaran.

Berita mogok MPPM itu mendapat tempat yang meluas dan beberapa kali pula perkara itu mendapat ulasan rencana pengarang dan komen Awang Sulung yang menggesa supaya semua bentuk saki baki penjajahan baru dihapuskan oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Tidak lama selepas Miss White disingkirkan dari Maktab, saya dan isteri pergi ke Maktab kerana menziarahi kakak ipar yang menjadi sumber berita pemogokan itu. Hampir semua jawatankuasa Persatuan Penuntut telah datang mengerumuni saya untuk mengucapkan terima kasih terhadap sokongan Utusan Melayu. Saya merasa diri saya seperti dikelilingi oleh puteri-puteri yang jelita. Mereka berkata, tanpa sokongan Utusan Melayu belum pasti lagi perjuangan mereka berjaya.



## BERTEMU DR. HATTA DAN PAK HAMKA

Saya telah bertemu dua pemimpin Indonesia yang terkenal. Mereka ialah Dr. Mohd. Hatta, bekas Wakil Presiden Indonesia dan Bapak Hamka, seorang tokoh ulama dan pujangga Indonesia yang tidak asing lagi namanya kepada rakyat negara ini.

Ketika Dr. Hatta melawat Melaka pada tahun 1962, beliau baru sahaja meletakkan jawatan sebagai Wakil Presiden Indonesia (sekarang dipanggil Naib Presiden Indonesia).

Sebagai wartawan di Melaka, saya bukan sahaja berkesempatan menghadiri dan membuat liputan, tetapi juga menjadi "Juruiring" beliau ketika melawat projek koperasi nelayan di Kampung Nelayan Kuala Linggi.

Pada mulanya saya ingin menumpang kereta Kaus Salleh, Pegawai Luar, Jabatan Penerangan Melaka (Bekas Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia) untuk membuat liputan lawatan Pak Hatta ke Kampung Nelayan, Kuala Linggi. Sewaktu menuju ke kereta yang akan membawanya ke Kuala Linggi, Pak Hatta terpancang saya dan dengan bersungguh-sungguh mempelawa menaiki kereta yang disediakan untuk beliau sebagai tetamu Kerajaan Negeri Melaka.

Saya pun menerima pelawaan Pak Hatta. Beliau rupa-rupanya tertarik hati dengan penjelasan saya pada sidang akhbar yang diadakan sebelum itu tentang gerakan koperasi di negara kita. Allahyarham Pak Hatta yang berasal dari Padang, Indonesia adalah seorang tokoh koperasi dunia pada zamannya. Beliau telah menulis beberapa buah buku mengenai gerakan koperasi.

Antara lain beliau berkata, Gerakan Koperasi adalah satu-satunya bentuk ekonomi yang boleh digunakan untuk membangun kehidupan dan ekonomi rakyat miskin kerana terdapatnya konsep tolong-menolong sesama ahli bagi pembangunan ekonomi mereka.

Dalam perjalanan ke kampung nelayan itu saya telah memberi penjelasan mengenai kegiatan koperasi khasnya di negeri Melaka. Saya memberitahu Pak Hatta projek kampung Nelayan yang diusahakan Koperasi Kampung Nelayan Kuala Linggi itu adalah satu-satunya projek perintis kerajaan negeri Melaka di negara ini yang bertujuan untuk mengubah nasib dan membangun ekonomi kampung nelayan.

Dalam perbualan itu, saya telah mengambil kesempatan bertanya sebab-sebab beliau meletakkan jawatan sebagai Naib Presiden Republik Indonesia. Pak Hatta berkata beliau menentang rancangan Presiden Sukarno yang mengusir peniaga-peniaga warganegara keturunan Cina yang berniaga di kampung-kampung kerana rakyat Indonesia sendiri masih belum bersedia untuk mengambil tempat mereka.

Sewaktu melawat Ibu Pejabat Utusan Melayu, Kuala Lumpur, Pak Hatta bertanya adakah saya juga bertugas di Kuala Lumpur. Pengarah Urusan Utusan Melayu ketika itu H.M. Shah memberitahu Pak Hatta saya sebenarnya pemberita Utusan Melayu yang bertugas di Melaka.

Seorang lagi tokoh yang berpeluang saya temui dan membuat liputan lawatannya di Melaka ialah Pak Hamka, seorang Pujangga dan Ulama Indonesia yang terkenal. Dalam lawatannya ke Melaka, beliau telah memberi ceramah kepada penuntut-penuntut Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka mengenai kebudayaan.

"Kita mestilah mengutamakan kebudayaan bangsa kita," kata Pak Hamka menasihati pelajar-pelajar Maktab tersebut. Bagi meraikan lawatannya, Ketua Menteri Melaka, Tun Ghafar Baba telah mengadakan jamuan makan malam di kediaman rasminya di Sri Peringgit.

Melihat para jemputan telah pun mengambil tempat masing-masing saya pergi ke sinki untuk membasuh tangan. Tun Ghafar Baba menegur saya "Kenapa mencuci tangan sedangkan garpu dan sudu ada disediakan". Saya menjawab, "Pak Hamka menasihati penuntut-penuntut Maktab Perempuan Durian Daun supaya mengutamakan kebudayaan kita. Makan dengan menggunakan tangan itu adalah kebudayaan kita".

Tun Ghafar menyambut kata-kata saya itu sambil menyinsing lengan bajunya dan berkata "Ya tak ya juga mengapa kita mesti pakai garpu dan sudu. Kita mesti buat apa yang kita cakap".

Saya lihat Pak Hamka dan para tetamu bangun berebut-rebut untuk mencuci tangan masing-masing. Selepas jamuan itu, Pak Hamka bertanya saya dari mana dan memberitahunya bahawa saya adalah wartawan Utusan Melayu.

"Wartawan memang nakal", katanya dan mengajak saya berbual dengannya. Turut berbual dengannya ialah Mufti Melaka, Datuk Mohd. Yunus Yatim yang juga Bekas Mufti Wilayah Persekutuan.

## KENA PECAT DARI MAYC

Walaupun tugas seorang wartawan dikatakan tidak mengira masa, siang atau malam, tetapi saya turut mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan sosial dan Gerakan Belia. Saya pernah mengasaskan penubuhan persatuan belia di kampung Belimbing Dalam, kampung kelahiran saya. Persatuan yang ditubuhkan itu dinamakan PERSATUAN BELIA SEMANGAT BARU BELIMBING DALAM. Isteri saya turut menjadi ahli jawatankuasa seksi wanita. Ia mengadakan kegiatan khusus untuk gadis-gadis dan wanita kampung tersebut.

Berbagai-macam kegiatan atau aktiviti diadakan oleh pihak Persatuan, antaranya kursus sivik mingguan selama tiga bulan. Kami mengundang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Hashim Amir dari radio Malaya dan pegawai-pegawai agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Penerangan, Haiwan, Kesihatan dan sebagainya.

Puncak dari kegiatan Persatuan Belia Semangat Baru Belimbing Dalam itu ialah mengadakan MALAM BELIA di mana ahli-ahli persatuan telah mempersembahkan sebuah drama LAKSAMANA MATI DIBUNUH. Ketua Menteri Melaka, Tun Ghafar telah merasmikan MALAM BELIA tersebut. Pada malam itu saya telah berucap mengecam ura-ura pihak tertentu yang ingin menggagalkan pertunjukan pentas Malam Belia anjuran kami.

Ucapan saya mendapat sokongan Tun Ghafar yang meminta ibubapa, pegawai-pegawai adat dan syarak menyokong usaha-usaha yang diadakan atau yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan belia di kampung mereka. Selain menjadi pengasas Persatuan Belia di kampung, saya pernah menjadi Ketua Belia Bandar Melaka selama setahun. Saya telah dipilih mengetuai rombongan belia Bandar Melaka ke Pesta Belia Persatuan Kelab-kelab Belia Malaya atau MAYC yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1961.

Beberapa tulisan saya mengkritik Pesta itu yang menyatakan rasa tidak puashati terhadap layanan yang diberikan pihak Jawatankuasa Penganjur Pesta turut disiarkan akhbar Utusan Melayu. Antaranya penginapan dan penggunaan bahasa Inggeris yang begitu meluas dan menjolok mata.

Akibat dari teguran tersebut, Ibu Pejabat MAYC telah mengarahkan supaya saya dipecat dari Persatuan Belia Bandar Melaka. Satu mesyuarat khas tanpa pengetahuan saya telah diadakan di mana satu keputusan dibuat untuk memecat saya. Saya kemudiannya telah menulis satu rencana panjang lebar mengenai pucuk pimpinan MAYC dan menganggap mereka sebagai pemimpin berkuku besi. Saya tidak membuat rayuan kerana menganggap pemecatan itu tidak memberi kesan kepada kerjaya saya sebagai seorang wartawan. Apa yang melucukan ialah saya telah digelar oleh beberapa orang pemimpin MAYC negeri sebagai Hang Jebat yang mengamuk di Pesta tersebut. Malahan ada yang memanggil saya sebagai *ANGRY YOUNG MAN*.



Perwakilan Melaka ke Pesta Belia MAYC tahun 1961 bergambar kenang-kenangan. Penulis sebagai ketua rombongan ditengah-tengah (bersongkok).

## KALAU ROBOH KOTA MELAKA, PAPAN DI JAWA SAYA DIRIKAN ...

Saya masih ingat kata-kata seorang pengarang Indonesia yang saya bawa melawat tempat bersejarah di Bandar Melaka pada tahun 1956, ketika melawat Bukit Senjuang. Pengarang dan beberapa lagi rakannya berkata, kenapa tidak dirobohkan sahaja bekas-bekas sejarah peninggalan penjajah yang terdapat di Bandar Melaka.

Katanya, beliau teringatkan negeri Belanda bila melihat bangunan-bangunan berwarna merah yang ditinggalkan oleh penjajah Belanda seperti yang beliau lihat ketika melawat negeri Melaka.

“Saya sungguh sakit hati melihat bangunan merah yang terdapat di Bandar Melaka ini. Ia akan menimbulkan kebencian rakyat akan datang.” katanya.

Saya tidak dapat menjawab pandangan Pengarang dan rakan-rakan Indonesianya itu dan hanya mampu berkata bahawa bekas-bekas sejarah Belanda dan Portugis yang terdapat di Melaka sudah menjadi hak sejarah dunia. Kita tidak boleh menghapuskan bekas-bekas sejarah itu, usul umno Merlimau.

Pada tahun 1961 UMNO Cawangan Merlimau telah membawa satu usul supaya dirobohkan sahaja Kota Melaka (juga dikenali sebagai kota A Famosa tinggalan penjajah Portugis). Alasan usul UMNO Cawangan Merlimau itu sama juga seperti yang pernah dikemukakan oleh Pengarang Indonesia dan rakan-rakannya yang melawat Kota Melaka dan tempat bersejarah lainnya pada tahun 1956.

Saya telah menulis dalam Utusan Zaman keluaran 30 April 1961 berjudul “Kalau Roboh Kota Melaka.....”. Saya menentang dengan mengatakan usul tersebut tidak bijak dan akan merugikan Melaka, terutama dalam usaha untuk menarik pelancong.



A' Famosa merupakan mercu tanda Melaka. Dibina oleh Portugis pada tahun 1511 sebagai pertahanan tetapi sebahagiannya telah musnah semasa peraklukan Belanda. Namun bangunan ini diselamatkan kembali oleh Sir Stamford Raffles.



The Stadthuys dibina dalam tahun 1650 sebagai rumah penginapan dan pejabat rasmi Gabenor Belanda. Kini, bangunan ini dijadikan sebagai muzium dan pelbagai khazanah lama turut dipamerkan termasuklah pelbagai pakaian traditional Melaka.

Tulisan saya seterusnya berkata, kenapakah kita mesti menghapuskan bekas-bekas sejarah peninggalan penjajah itu ? Apakah kerana bekas yang ditinggalkan oleh penjajah, maka kita mesti menghapuskannya ? Memanglah, dalam tulisan saya menyatakan, bekas-bekas tinggalan penjajah melukakan hati setiap kali melihatnya. Tetapi kita jangan lupa bahawa bekas-bekas tinggalan penjajah itu sebenarnya pendorong bangsa kita untuk berjuang menghalau penjajah dari negara ini pada tahun 1957.

Khabarnya tulisan saya yang disiarkan pada hari Persidangan Agung UMNO Negeri Melaka yang berlangsung pada 30 April 1961 itu telah menimbulkan kemarahan wakil UMNO Cawangan Merlimau. Dua orang sahabat saya, Cikgu Burhan Yaman dan Ahmad Haji Abdullah telah membela tulisan saya dan menganggapnya sebagai satu pandangan yang positif demi untuk kemajuan pelancongan negeri Melaka.

Saya teringat bahawa pantun “Kalau roboh kota Melaka.....” sering dijadikan bahan pembakar semangat pejuang-pejuang kemerdekaan tanahair di zaman sebelum Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) diharamkan oleh Kerajaan Penjajah British pada tahun 1946.

Sebenarnya pantun itu dianggap sebagai pantun kegemaran anak-anak zaman dulu yang sedang mabuk asmara atau bercinta.

Bunyi pantun itu sepenuhnya ialah :

Kalau roboh kota Melaka,  
Papan di Jawa saya dirikan,  
Kalau sungguh bagai dikata,  
Badan dan nyawa saya serahkan.



Seorang Pengarang Indonesia ketika melawat Melaka pada tahun 1956 pernah mencadangkan supaya bekas bangunan berwarna merah tinggalan penjajah Belanda dihapuskan sahaja. Begitu juga satu usul UMNO Cawangan Merlimau dalam mesyuarat UMNO Negeri Melaka pada tahun 1960 supaya bangunan bekas-bekas penjajah Portugis dan Belanda dirobohkan.

## GHAFAR BABA SELAMATKAN TUNKU DARI UNDI TIDAK PERCAYA

Politik negara selepas merdeka boleh dikatakan sentiasa bergelora. Banyak isu mampu mengganggu gugat perjuangan politik tanahair. Antara isu yang telah menggugat UMNO Malaya ialah isu mengenai Kilang Baja Urea yang ditimbulkan Menteri Pertanian dan Syarikat Bekerjasama-sama, Allahyarham Datuk Abdul Aziz Ishak.

Isu Kilang Baja Urea sering dijadikan isu dan menyebabkan “perselisihan faham” antara Aziz Ishak dengan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Tunku tidak berapa bersetuju dengan cadangan Aziz Ishak itu kerana berpendapat perbelanjaan untuk mendirikan kilang tersebut adalah besar dan Kerajaan Perikatan tidak dapat menyokong usaha yang menelan belanja yang banyak itu.

Menurut Tunku, kilang baja yang ada di negara ini mampu mengadakan bekalan yang cukup untuk kegunaan para petani, termasuk baja yang dibawa dari luar negeri. Isu Kilang Baja Urea ini telah dibawa dalam mesyuarat Agung UMNO yang diadakan di Dewan Panggung Kapitol pada tahun 1961.

Pada mesyuarat Agung itu UMNO Negeri Selangor telah mengemukakan usul tersebut dan meminta supaya Kerajaan Perikatan menyokong dan meluluskan rancangan tersebut. Satu perbahasan sengit dan hangat telah berlaku dalam mesyuarat Agung antara dua pihak yang menyokong dan menentang usul tersebut.

Di tengah-tengah kehangatan perdebatan isu tersebut, wakil Selangor yang menyokong kuat usul tersebut telah marah dan mengemukakan undi tidak percaya kepada Tunku Abdul Rahman, yang juga Yang Dipertua UMNO Malaya. Mesyuarat Agung itu terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu untuk mencari jalan keluar atau kompromi bagi mengelakkan perpecahan UMNO.

Apabila mesyuarat agung itu disambung semula, Tun Ghafar Baba yang menjadi Ketua UMNO Negeri Melaka bangkit. Beliau berkata usul undi tidak percaya kepada Yang Dipertua UMNO, juga Perdana Menteri mempunyai implikasi yang sangat buruk.

“Jika usul itu diterima oleh para perwakilan mesyuarat ini, bererti bahawa seluruh Jawatankuasa UMNO Malaya terpaksa juga meletakkan jawatan mereka.”

“Usul itu bukan ditujukan kepada Tunku sahaja, tetapi seluruh Jawatankuasa UMNO yang menyokong Tunku juga akan terlibat,” kata Tun Ghafar disambut dengan sorak dan tepuk tangan yang bergemuruh.

Setelah diundi, mesyuarat agung itu dengan suara terbanyak atau majoriti menolak usul undi tidak percaya terhadap kepimpinan Tunku, Yang Dipertua UMNO Malaya. Ketika berucap menggulung mesyuarat agung itu Tunku telah mengucapkan terima kasih kepada Tun Ghafar Baba yang dianggap menyelamatkan beliau dari usul undi tidak percaya itu.



Bekas Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, Frank Sullivan diiringi penulis ketika menyertai lawatan Tunku di Nyalas pada 11 Mei, 1958.



## MELAWAT INDONESIA. TAK DAPAT JUMPA PRESIDEN SUKARNO

Kerjaya sebagai seorang wartawan memang selalu berpeluang melawat luar negeri. Malahan adalah perkara lumrah bagi wartawan-wartawan berpeluang bertugas di luar negara untuk membuat liputan sesuatu peristiwa. Ada syarikat akhbar tertentu menghantar wartawannya ke luar negara untuk menjadi koresponden atau wakil syarikat akhbar berkenaan. Bagaimanapun pelantikan seorang wartawan untuk menjadi koresponden berlaku selepas tahun 70an, seperti apa yang dilakukan oleh Syarikat akhbar Kumpulan Utusan yang pernah menghantar korespondennya di London, Mesir dan Jakarta.

Ketika berjumpa Tun Ghafar pada bulan April, 1961 beliau memberitahu bahawa saya telah dicadangkan untuk melawat Indonesia selama seminggu. Beliau menyuruh saya membuat pasport antarabangsa.

Kami telah diberi taklimat oleh Datuk Aziz Majid (yang pernah menjadi Gabenor Negeri Melaka) ketika itu menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.

Di majlis taklimat itu saya berjumpa dengan beberapa wartawan dari Kuala Lumpur yang turut serta dalam rombongan kami. Di antara mereka ialah Aisyah Ghani dari Berita Harian, Salleh Yusoff (Arwah) dari Utusan Melayu, Yap Cheng Kwi (Setiausaha Akhbar Perdana Menteri) Arwah Cikgu Abdul Samad Ahmad dari Dewan Bahasa dan beberapa orang bukan wartawan yang saya tidak kenali. Mereka ialah Megat Zainuddin Megat Ahmad seorang Penghulu dari Perak, Arasu, Jawatankuasa Pusat MIC dan Ahmad Zainuddin, Jurutera JKR Negeri Perak yang dilantik menjadi ketua rombongan kami.

Di antara jadual lawatan kami ialah untuk bertemu dengan Presiden Sukarno. Tetapi kami tidak berkesempatan bertemu dengan beliau kerana ketika itu beliau mengiringi Perdana Menteri Cina, Chau End Lai melawat Pusat Peranginan Presiden di Tapak Siring Bali.

Bagaimanapun kami diberi peluang bertemu dengan Menteri Luar Indonesia ketika itu, Dr. Subandrio. Dr. Subandrio telah beramah mesra dengan pihak wartawan. Beliau berharap supaya lawatan wartawan-wartawan Malaya itu akan dapat mengeratkan lagi tali persaudaraan dan silatulahim antara rakyat Malaysia dan Indonesia.

Beliau berkali-kali menegaskan bahawa kita mempunyai hubungan persaudaraan dan pertalian persaudaraan serta perhubungan sejarah yang akrab. Kami juga telah berpeluang mengadakan kunjungan hormat kepada Duta Besar Malaya ketika itu, Allahyarham Datuk Senu Abdul Rahman.

Beliau merasa amat gembira dapat bertemu dengan wartawan-wartawan dari Malaya yang dikenalnya itu dan turut dalam perjuangan dalam menuntut kemerdekaan seperti Aisyah Ghani, Yap Cheng Kwi, Arwah Salleh Yusoff dari Utusan Melayu dan saya sendiri.

Allahyarham Senu Abdul Rahman yang pernah menjadi Setiausaha Agung UMNO dan Menteri Penerangan Malaya merupakan Duta Besar Malaya yang pertama ke Indonesia. Beliau amat disenangi oleh pemerintah Indonesia, termasuk Presiden Sukarno dan beberapa orang Menteri kabinet Sukarno.

Selepas melawat beberapa Kementerian di Jakarta, kami bertolak ke Bandung, singgah di Surabaya dan dari situ kemudiannya menaiki keretapi ke Baju Emas sebelum menyeberang ke Pulau Bali dengan Feri. Lawatan kami selama seminggu itu mendapat liputan akhbar-akhbar Indonesia.



Rombongan wartawan Malaya yang melawat Indonesia pada tahun 1961 bergambar kenangan dipuncak peranginan Tapak Siring di Pulau Bali. Antara yang kelihatan ialah Datin Paduka Aishah Ghani (Nombor 4 dari kanan), Allahyarham Datuk Jalil Nazir, Ulu Langat (Nombor 6 dari kiri), Allahyarham Salleh Yusof (Wartawan Utusan Melayu - Nombor 3 duduk bertenggang) dan penulis (Nombor 2 dari kanan duduk bertenggang)

Selepas kembali dari lawatan tersebut, setiap wartawan telah menulis tentang lawatan mereka. Saya sendiri telah menulis beberapa rencana mengenai lawatan tersebut. Menteri Muda Penerangan, Allahyarham Datuk Syed Jaaffar Albar pada satu pertemuan makan tengahari di rumah Ketua Menteri yang meraikan lawatan rasminya ke Melaka telah menegur saya dan menganggap tulisan saya “Sebagai Mengampu Kerajaan Indonesia”.

Beliau “Tidak senang” dengan salah satu tulisan saya antara lain menyatakan keyakinan saya bahawa Indonesia akan menjadi sebuah negara yang kuat ekonominya, kalau keadaan politiknya stabil. Selain berpeluang melawat Indonesia pada tahun 1961, saya kemudian berpeluang lagi melawat luar negeri ketika menjadi Ketua Penyunting akhbar Utusan Melayu.

Pada tahun 1975 saya diberi peluang melawat New Zealand sebagai tetamu Syarikat Penerbangan New Zealand Airline. Kali ini juga bersama wartawan-wartawan dari negara-negara Asean.

Ada satu peristiwa yang tidak dapat saya lupakan dalam lawatan tersebut. Kapal terbang yang bertolak dari lapangan terbang Changi, Singapura membawa kami ke New Zealand telah singgah di Lapangan Terbang Sydney untuk mengisi minyak. Kira-kira sepuluh minit dalam perjalanan menuju ke Lapangan Terbang Auckland, tiba-tiba berlaku keadaan kelam kabut. Saya melihat anak-anak kapal cemas dan berulang alik dari depan ke belakang dan sebaliknya.



Rombongan wartawan Malaya bergambar kenang-kenangan di depan rumah Allahyarham Datuk Senu Abdul Rahman, ketika itu Duta Besar Malaya ke Indonesia. Penulis paling kiri duduk bertenggang.

Ketika ditanya, mereka hanya menunjukkan arah di luar kapalterbang yang sedang bergerak itu. Saya yang duduk berdekatan tingkap kapalterbang melihat ke luar dan mendapati bahagian kiri kepak kapalterbang itu mengeluarkan minyak seperti air yang disembur ahli bomba.

Beberapa minit selepas kejadian itu, Kapten Kapal Air New Zealand, telah membuat pengumuman meminta kami supaya jangan panik atau cemas. Beliau memberitahu kami ada kebocoran minyak di bahagian kiri sayap kapalterbang tersebut.

“Kita akan berpatah balik ke Sydney untuk mengisi minyak dan saya harap tuantuan dan puan-puan semuanya akan bertenang,” kata pengumuman kapten itu.

Kapalterbang itu mengisi minyak selama satu jam. Selepas berlepas beberapa minit kemudian Kapten memberitahu bahawa hampir 5,000 gelen minyak telah keluar dari sayap kapalterbang kerana ada skrunya yang tidak ditutup dengan betul.

Katanya, kalau kejadian itu berlaku di atas Bandaraya Sydney, sudah tentulah kebakaran besar berlaku dan kapalterbang itu boleh meletup di udara.

Pada tahun 1983 saya sekali lagi berpeluang melawat Amerika Syarikat mewakili Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu. Kali ini saya menjadi tetamu Singapore Airline dibawah program mengambil kapalterbang Boeing di Seattle. Sebelum sampai ke destinasi kami, wartawan-wartawan dari Asean telah dibawa ke pusat hiburan yang terkenal di Disneyland dan Studio Filem Hollywood di Los Angeles, Zoo dan Safari di San Diego dan Kampung Nelayan di Seatelle.

Di Las Vegas kami ditempatkan di sebuah hotel lima bintang iaitu Ceasar Palace, di mana Anita Sarawak mengadakan persembahan dan mempunyai sebuah butik di sana. Bandaraya Las Vegas memang terkenal sebagai pusat hiburan dan perjudian dunia, perjudian dijalankan selama 24 jam. Di akhir lawatan, kami telah melawat kilang pembuatan kapalterbang Boeing.

Kami diberi taklimat mengenai perancangan 20 tahun kilang itu mengeluarkan kapalterbang-kapalterbang jenis Boeing. Kilang penerbangan itu menerima tempahan dari seluruh dunia dan mempunyai pekerja yang mahir dengan pelbagai bidang kejuruteraan seramai 5,000 orang. Biasanya seramai 2,000 tenaga pekerja mahir teknik digunakan untuk menyiapkan sesuatu kapalterbang itu.

## DIFITNAH JADI CALON PARTI RAKYAT, PINDAH KE PAHANG

Memang tepat sekali kata peribahasa. "Lama hidup banyak pengalaman dan banyak perjalanan luas pengalaman". Ini berlaku kepada kita semua, termasuk diri saya sendiri. Selepas lapan tahun berkhidmat sebagai wartawan Utusan Melayu di Negeri Melaka, saya telah diarahkan supaya berpindah. Saya mula bertugas di Kuantan, Pahang pada 1 Mac 1964.

Sebenarnya ada kisah yang tersembunyi disebalik perpindahan ke negeri Pahang itu. Pada satu pagi 23 Februari, 1964 saya menerima panggilan telefon daripada Othman Abadi (Allahyarham) yang bertanya kepada saya, benarkah saya akan bertanding pada Pilihanraya Umum yang akan diadakan tidak lama lagi sebagai calon Parti Rakyat.

Menurut Allahyarham Osman, saya telah menulis satu berita (yang tidak disiarkan) Allahyarham Hasnul Hadi yang menegur kenyataan Tun Ghafar Baba, Ketua Menteri Melaka yang kononnya hendak meninggalkan negeri Melaka pada pilihanraya akan datang.

Dalam keadaan itu Hasnul mengecam kenyataan Tun Ghafar dan menganggapnya sebagai seorang pengecut kalau meninggalkan Melaka pada pilihanraya kebangsaan kedua itu.

"Awak tidak patut menulis berita itu, awak bukan tidak tahu akibatnya," kata Allahyarham Osman yang menjadi Pengarang Utusan Melayu dan memberitahu saya supaya bersedia untuk bertukar ke Pahang.

Pada 25 Februari, 1964 saya menerima surat arahan daripada Ketua Pengarang Utusan Melayu, Allahyarham Datuk Melan Abdullah yang mengarahkan saya berpindah ke Pahang serta merta. Saya telah berbincang dengan isteri dan mengambil keputusan berpindah ke Pahang, satu perkara yang tidak terduga dan menjadi impian saya sejak menjadi pemberita Utusan Melayu di negeri Melaka sejak tahun 1956.

Saya memberitahu isteri bahawa saya ingin memaklumkan hal itu kepada Tun Ghafar mengenai surat dari Utusan Melayu yang mengarahkan saya berpindah ke Pahang. Pada kira-kira jam 8.00 pagi 26 Februari saya dan isteri pergi ke rumah Tun Ghafar di Peringgit untuk memberitahu beliau mengenai perkara itu. Kami disambut oleh isteri beliau yang biasa kami panggil Kak Asmah (nama penuhnya Asmah binti Alang).

Kak Asmah memberitahu saya Tun Ghafar masih belum bangun. Saya beritahu Kak Asmah saya sedia menunggu beliau bangun. Sedang saya berbual-bual dengan Kak Asmah, Tun Ghafar keluar dari bilik. Beliau bertanya apakah hal pagi-pagi datang ke rumahnya. Saya menunjukkan surat Utusan Melayu yang mengarahkan saya pindah itu. Tun Ghafar berkata, saya tidak patut pindah ke Pahang kerana tugas saya masih diperlukan di Melaka.

Saya telah mengambil keputusan pindah ke Pahang kerana ada orang membuat fitnah bahawa saya akan bertanding sebagai calon Sosialis Front pada pilihanraya akan datang.

Tun Ghafar berkata, janganlah mengambil keputusan terburu-buru. Beliau lalu mengangkat telefon untuk bercakap dengan H.M Shah yang menjadi Pengarah Urusan Utusan Melayu ketika itu.

Saya beritahu Tun Ghafar keputusan saya muktamad dan akan bertolak ke Pahang pada 28 Februari ini. Saya tinggal di Kampung Air Putih berhadapan dengan Sekolah Abu Bakar dan Sekolah Menengah Rahman Talib.

Tugas pertama saya ialah berjumpa dengan Menteri Besar Pahang, ketika itu Wan Abdul Aziz. Beliau memberitahu saya bahawa beliau tidak akan bertanding pada pilihanraya yang bakal diadakan kelak. Beliau ingin bersara dari politik. Pilihanraya Kebangsaan atau Pilihanraya Umum kedua selepas merdeka diadakan pada bulan Mei, 1964.

Di antara yang disenaraikan bertanding kawasan Parlimen di Pahang ialah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussin, Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada pilihanraya 1959, beliau bertanding di kawasan Parlimen Pekan. Tun Razak melawat hampir seluruh negeri Pahang berkempen antaranya termasuk Pulau Tioman.

Saya pernah mengikuti lawatan Allahyarham Tun Razak untuk membuat liputan. Kami para wartawan melawat Pulau Tioman dengan menaiki kapal perang "Hang Tuah", Tentera Laut Diraja Malaya. Itulah kali pertama saya ke Pulau Tioman. Kemudian kali kedua dengan Menteri Besar Pahang dan kali ketiga bersama-sama Timbalan Menteri Besar, Datuk Haji Abdul Aziz Ahmad.

Bila nama-nama calon Dewan Undangan Negeri diumumkan, calon Parti Perikatan Pahang kebanyakannya adalah muka-muka baru belaka. Salah seorang daripada mereka ialah Datuk Yahya Haji Mohd. Seh yang bertanding di Kawasan

Sanggang, Temerloh. Beliau disebut-sebut bakal Menteri Besar Pahang jika Perikatan menang dalam pilihanraya negeri itu.

Semasa berkhidmat di Pahang saya berpeluang melawat Ulu Tembeling sebanyak dua kali. Pertama kali bersama-sama rombongan Kerajaan Negeri Pahang yang diketuai Menteri Besar, Datuk Haji Yahya Mohd. Sch dan kali kedua mengikut rombongan Timbalan Menteri Besar, Datuk Haji Abdul Aziz Ahmad.

Tidak ada jalan darat untuk sampai ke Pahang melainkan dengan menaiki bot dari Kuala Tembeling. Tidak kurang dari lima jam, sampai di Kampung Bantal, pusat perkampungan di Ulu Tembeling. Bot yang kami naiki boleh memuatkan seramai 10 orang dan terpaksa pula menempuh tidak kurang dari 10 jeram dan terpaksa turun dari bot menongkah arus yang datang dari hulu.



Allahyarham Tun Haji Abdul Malek Yusof (kiri sekali) ketika melawat Sekolah Pusat Latihan Risda di Air Pak Abas, Alor Gajah pada tahun 1962. Penulis nombor 3 dari kiri. Disebelah kanannya ialah Datuk Mohd. Kaus Salleh, bekas Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaya.

Almarhum Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar tidak pernah melupakan Ulu Tembeling yang pernah menjadi Pusat Kerajaan sebelum berpindah ke Pekan Pahang setiap kali selepas menyambut hari keputeraan baginda. Dalam lawatannya ke Daerah-daerah, Baginda mesti melawat Hulu Tembeling. Lawatan baginda ke Ulu tembeling mendapat sambutan hangat daripada rakyat. Sebuah pentas untuk Baginda bersemayam menemui rakyat diadakan di Kampung Bantal.

Saya diberitahu hampir seluruh rakyat di kawasan Ulu Tembeling akan berhimpun dan setengah-setengahnya membawa air dalam botol untuk mendapat berkat daripada baginda. Hubungan saya dengan Menteri Besar, Tan Sri Haji Yahya Mohd Seh amatlah mesra sekali. Setiap kali beliau melawat ke daerah-daerah, beliau akan mempelaawa saya menaiki kereta rasminya.

Selepas dilantik menjadi Menteri Besar Pahang, sayalah wartawan pertama yang diberi peluang untuk bertemu bual dengannya. Pada pertemuan itu saya telah meminta beliau mengadakan Rancangan Tanah Belia di Negeri Pahang kerana Pahang amat terkenal sebagai sebuah negeri yang luas dan masih belum diterokai. Cadangan saya itu diterima dengan baiknya. Pada tahun 1965, dibukalah satu kawasan untuk Rancangan Tanah Belia di Bukit Goh, rancangan tanah belia yang pertama diadakan di negara ini. Begitu juga dengan pembinaan Stadium Pahang Darul Makmur yang dibuat hasil cadangan saya kepada beliau.



Timbalan Menteri Besar Pahang, Allahyarham Datuk Haji Abdul Aziz Ahmad (Ditengah-tengah berbaju putih bergambar di atas kapal Perang, " Hang Tuah" sewaktu menyertai lawatan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak ke Pulau Tioman kerana berkempen pada Pilihanraya Kebangsaan kedua pada tahun 1964.

Penulis berbaju batik.



## DITAWARKAN KAWASAN BALAK

Pada penghujung bulan April 1965, setelah saya berkhidmat setahun di Negeri Pahang, saya mendapat panggilan telefon dari ibu pejabat Utusan Melayu di Kuala Lumpur yang membayangkan kemungkinan saya ditukarkan ke Kota Bharu, Kelantan. Berita ini saya sampaikan kepada Allahyarham Datuk Yahya, Menteri Besar Pahang. Datuk Yahya agak terkejut juga dan memberitahu bahawa beliau akan cuba meminta Utusan Melayu supaya saya jangan ditukarkan ke Kelantan.

"Saya mahu Encik Kadir berkhidmat lagi di Pahang," katanya serius sewaktu saya mengunjungi pejabatnya.

Beliau kemudian memberitahu saya bahawa pada hari Sabtu depan beliau akan menghadiri satu mesyuarat di Kuala Lumpur dan beliau akan ke ibu pejabat Utusan Melayu berjumpa dengan Ketua Pengarang, Utusan Melayu ketika itu, Allahyarham Datuk Melan Abdullah.

"Saya akan meminta Encik Melan supaya jangan menukarkan awak ke Kota Bharu," kata Datuk Yahya.

Pada satu pagi minggu, sedang saya berehat membaca akhbar Utusan Zaman, tiba-tiba sebuah kereta masuk ke perkarangan rumah saya. Rupa-rupanya Datuk Yahya yang datang. Saya jengukkan muka di tingkap dan Datuk Yahya mengajak saya keluar.

"Saya ada hal hendak bercakap dengan awak," kata Datuk Yahya.

Kepada isteri saya yang sama-sama menjengok keluar tingkap itu Datuk Yahya berkata, "Saya hendak bawa Encik Kadir keluar sekejap. Cik Inon janganlah risau" katanya sambil bergurau.

Sebaik-baik sahaja kereta yang dipandu Syed Aziz, Setiausaha Peribadinya meluncur di jalanraya, Datuk Yahya dengan gembiranya memberitahu saya, beliau telah berjaya menahan saya dari ditukarkan ke Kota Bharu, Kelantan.

"Saya dah jumpa Encik Melan dan dia bersetuju awak kekal di Kuantan.

"Encik Melan kata awak orang Melaka bangsat tidak ada tanah. Dia minta tolong beri tanah kepada awak.

"Saya pun memang bercadang hendak beri awak tanah. Awak carilah satu kawasan seluas antara 1,000 hingga 2,000 ekar. Saya akan sokong permohonan awak nanti," terang Datuk Yahya.

Saya agak tergamam mendengar kata-kata Menteri Besar Pahang itu. Lama saya berfikir dan mencari jawapan untuk menerima tawaran Datuk Yahya itu.

"Beginilah Datuk," kata saya setelah mendiamkan diri beberapa ketika. "Saya ucapkan terima kasih di atas tawaran Datuk itu. Tetapi saya rasa belum layak menerima tawaran Datuk, kerana saya baru setahun berkhidmat di sini. Lagi pun Datuk belum mengenal hati budi saya. Saya minta maaf. Mungkin kalau Datuk hendak beri apa-apa biarlah setelah saya berkhidmat selama lima tahun di Pahang. Buat masa ini saya minta maaf," kata saya sambil merenung wajah Datuk Yahya yang kelihatan muram sedikit.

"Awak ini betul-betul Eneik Kadir. Saya ikhlas hendak beri awak kawasan tanah hutan, tapi awak menolak," katanya.

Beliau berharap supaya saya memikirkan semula tawaran tersebut.

## SERONOKNYA BERTUGAS DI KELANTAN

Saya bertugas di Negeri Kelantan tidaklah lama iaitu dari bulan Mei sehingga September, 1965, kira-kira selama lima bulan sahaja. Tetapi seronoknya bertugas di negeri Kelantan yang terkenal dengan gelaran serambi Mekah dan Negeri Cik Siti Wan Kembang, melebihi seronoknya saya bertugas selama lapan tahun di negeri kelahiran saya sendiri, Melaka.

Sebelum berpindah ke Kelantan saya memberitahu Allahyarham ayah saya. Beliau mengingatkan saya supaya pandai-pandai membawa diri di negeri orang.

Negeri Kelantan terkenal dengan "kapak kecil" ayah saya mengingatkan.

Saya beritahu ayah saya kalau kita buat baik takkan dibalas jahat pula.

Memang pada masa dulu negeri Kelantan terkenal dengan "Kapak kecil" atau disebut juga "Kapak Bungkus" kerana jika berlaku pergaduhan kapal kecil atau kapak bungkus digunakan sebagai senjata untuk membunuh. Bagaimana pun kapak kecil itu tidak digunakan kerana pergaduhan politik atau perselisihan politik. Ia hanya digunakan dalam kejadian jenayah yang sama sekali jarang melibatkan pergaduhan politik.

Mula-mula saya tinggal menyewa rumah di Jalan Padang Garong. Rumah tersebut dipunyai oleh Arwah Cikgu Haji Mohd. Salleh, seorang bekas guru yang menjadi sahabat pula kepada Allahyarham bapa saudara saya. Mereka sangat baik dan kerana itu saya menganggap mereka sebagai keluarga angkat saya.

Beberapa hari selepas berada di Kota Bharu saya hubungi Allahyarham Datuk Asri Haji Muda, Menteri Besar Kelantan. Sebelum itu saya memang sudah lama kenal Datuk Asri yang menjadi tokoh Parti Islam Setengah Melayu (PAS), ketika beliau datang ke Melaka untuk berkempen pada pilihanraya 1959.

Datuk Asri gembira saya bertukar ke Kota Bharu. Beliau berharap saya akan berkhidmat dengan baik di negeri Kelantan.

"Saya tidak sekat kebebasan wartawan. Saya mahu wartawan-wartawan berlaku adil dalam memberi liputan dan laporan kerajaan Negeri Kelantan. Saya mahu wartawan adil dan tidak berat sebelah," kata Datuk Asri. Beliau juga menyatakan harapan untuk bertemu dengan saya. Saya pun berkata memang menjadi hasrat saya untuk bertemu dengan beliau.

Selepas dua bulan bertukar ke Kota Bharu Kelantan saya berpindah ke bangunan UMNO negeri Kelantan di Jalan Tengku Chik berhadapan panggung Odeon. Saya masih ingat lagi Allahyarham Abdullah Tahir seorang penulis Kelantan tinggal di tingkat yang sama. Masa itu beliau belajar di tingkatan enam atas dan kemudian diterima masuk ke Universiti Malaya.

Banyak perkara yang boleh dipelajari di negeri Kelantan lebih-lebih lagi sebagai orang luar yang pertama kali menjejakkan kaki di negeri itu. Sebagai seorang penduduk dari "Pantai Barat" banyak pengalaman yang dapat ditimba dari segala segi adat istiadat dan budaya serta bahasa orang-orang Kelantan.

Bagi saya orang-orang Kelantan sangat menghormati mereka yang datang merantau atau bekerja di negeri itu. Mereka ikhlas dan jujur dalam persahabatan serta tidak berpura-pura. Apa yang digambarkan oleh arwah ayah saya tentang sikap orang-orang Melayu terhadap orang luar meleset sekali. Masa bertugas di Kelantan kali pertama itu, saya berpeluang mengenali ramai tokoh UMNO dan juga PAS. Ketua UMNO Negeri Kelantan ketika itu ialah Allahyarham Datuk Nik Ahmad Kamil bin Mahmud, bekas Speaker Parlimen dan tokoh koporat yang amat disegani.

Tan Sri Musa Hitam bersama Tengku Razaleigh Hamzah



Tokoh lain yang saya kenal ialah Datuk Nik Hasan Yahya, Datuk Yaakub Mohd, Tengku Redahuddin, Datuk Dr. Aziz Omar dan ramai lagi. Sewaktu saya berkhidmat di Kelantan, Datuk Razaleigh Hamzah baru sahaja balik dari London kerana kematian ayahnya Tengku Hamzah. Beliau masa itu belum begitu terkenal, tetapi merupakan seorang tokoh muda yang berpotensi menjadi seorang pemimpin UMNO Kelantan dan juga di peringkat Pusat. Beliau seorang tokoh muda yang suka merendah diri dan mempunyai pergaulan dengan semua pihak, walaupun berketurunan keluarga bangsawan, tetapi Tengku Razali tidaklah sombong atau membesarkan diri. Semua orang senang hati berdampingan atau bergaul dengannya.

## PERASMIAN JAMBATAN KONTROVERSI NEGERI KELANTAN

Sewaktu bertugas di Kelantan, saya berpeluang menyaksikan dan membuat liputan perasmian Jambatan Sultan Yahya Putra, yang merintanggi Sungai Kelantan dari tebing Kampung Sirih, Kota Bharu ke Tebing Sungai Pasir, Pekan. Jambatan tersebut dibina dengan belanja satu juta ringgit (RM1 juta) dan dirasmikan pada 5 Julai 1965, oleh Sultan Kelantan sendiri sempena Hari Keputeraan Baginda.

Pembinaan jambatan itu telah menjadi isu yang hangat di antara Kerajaan Pas dan UMNO Negeri Kelantan. Pada permulaan pembinaannya ada suara-suara yang mengatakan Jambatan itu tidak akan dapat disiapkan mengikut jadualnya kerana kerajaan Kelantan tidak ada wang dan mampu membiayai pembinaannya. Akhirnya Jambatan itu dapat disiapkan mengikut jadual dan dirasmikan sempena sambutan Hari Keputeraan Sultan Kelantan.

Berpuluh-puluh ribu rakyat Kelantan membanjiri sekitar jambatan tersebut kerana hendak menyaksikan upacara perasmian oleh Sultan mereka. Itulah pertama kali saya menyaksikan puluhan ribu rakyat keluar dengan pakaian berwarna-warni untuk menyaksikan upacara perasmian projek yang penuh sejarah.

Ada satu cerita yang melucukan tentang peristiwa perasmian Jambatan tersebut iaitu seorang wakil rakyat Perikatan yang menyatakan bahawa beliau sanggup "Bertelanjang bogel" di depan orang ramai sekiranya jambatan tersebut berjaya disiapkan.

Kontroversi Jambatan Sultan Yahya Putra dikatakan hebat sewaktu pilihanraya 1964, dimana pihak Perikatan telah menuduh pihak Kerajaan Pas Kelantan terpaksa menggadaikan satu kawasan hutan balak yang sangat luas kepada sebuah syarikat pembalakan dari Singapura.

Satu perkara yang amat menarik bagi orang-orang luar yang pertama kali datang ke Negeri Cik Siti Wan Kembang itu ialah betapa ramainya kaum wanita negeri itu terlibat dan aktif dengan perniagaan, satu perkara yang tidak dapat kita saksikan di negeri-negeri di Pantai Barat.

Kaum wanita Kelantan telah menguasai hampir kesemua bidang perniagaan dari pasar, gerai-gerai makan, pakaian dan seterusnya dalam bidang perusahaan makanan dan tenunan kain songket. Hal ini sudah pasti mengagumkan orang-orang luar Kelantan yang melawat negeri tersebut. Di mana-mana kita pergi di seluruh negeri Kelantan "Cik-cik Siti Wan Kembang" atau juga dipanggil "Mek Kelantan" menjalankan perniagaan mereka.

Inilah satu budaya unik yang diamalkan oleh kaum wanita atau ibu-ibu negeri Kelantan yang sudah pasti dikagumi oleh pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong luar negeri. Penjaja-penjaja kecil wanita yang menjual barang-barang makanan di waktu malam boleh dikatakan terdapat di merata tempat di sekitar bandar Kota Bharu dan ada di antaranya yang berniaga sehingga jam 3.00 pagi.

Saya dan isteri selalu ke Jalan Tok Hakim yang tidak jauh dari bangunan UMNO Kota Bharu mencari makanan apabila tersedar di tengah malam. Satu perkara yang menambah pengalaman saya dari segi penggunaan bahasa ialah penggunaan dialek Kelantan atau bahasa daerah Kelantan. Banyak perkara bahasa yang kami pelajari untuk memudahkan kami berhubung dengan orang-orang Melayu Kelantan.

Satu lagi kelainan yang dapat dirasakan dengan mudahnya ialah masakan Kelantan yang didapati banyak menggunakan gula, sehingga asam pedas mereka pun berasa manis. Satu lagi keistimewaan orang Melayu Kelantan ialah sambutan Puasa Enam dan Hari Raya Aidil Adha lebih meriah dari sambutan Hari Raya Aidilfitri.

## ORANG-ORANG KELANTAN BERI KERJASAMA KEPADA WARTAWAN

Saya merasa gembira kerana beberapa bulan sahaja bertugas di Kelantan sebagai wakil Utusan Melayu, saya mendapat ramai kenalan dan sahabat, yang begitu bersedia untuk membantu kerjaya saya. Orang-orang di Kelantan baik daripada kalangan UMNO atau PAS begitu mudah mesra dengan kaum wartawan. Banyak kerjasama diberikan kepada kami kaum wartawan yang bertugas di negeri Cik Siti Wan Kembang itu.

Bagi pihak kami kaum wartawan pula, sentiasa bekerjasama antara satu dengan lain atau bekerja sebagai satu pasukan yang sedia bertukar-tukar berita dan maklumat. Kami pernah memulaukan satu majlis kerana pihak penganjur mengundang wakil sebuah akhbar sahaja untuk membuat liputan majlis itu.

Di antara mereka yang bertugas sebagai wartawan dari media cetak dan elektronik ketika itu ialah Ismail Hashim dari Radio Malaya, Ramli Yassin dari The Straits Times, Aziz Abu Hassan, Berita Harian. Saya memang kenal dengan Ismail Hashim yang berasal dari Kampung Mata Kucing, Melaka yang pernah bertugas sebagai wartawan Radio Malaya dan selalu membuat liputan berita Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Ismail Hashim telah memberi peluang kepada saya untuk menjadi pemberita sambilan Radio Malaya cawangan Kota Bharu. Sebenarnya semasa di Melaka saya pernah bertugas selama lapan tahun sebagai juruhebah sambilan Radio Malaya Melaka sewaktu Hashim Amir Hamzah menjadi Ketua Bahagian Melayu Negeri Melaka.

Selama bertugas di Kelantan iaitu lima bulan, saya mempunyai seorang sahabat yang dapat dianggap istimewa. Namanya Ustaz Yusoff Zaki, yang ketika itu baru sahaja pulang dari Universiti Azhar, Mesir pada tahun 1965. Beliau (Allahyarham) merupakan "Teman" yang paling suka sekali berbincang dan berbual mengenai masa depan politik orang-orang Melayu Kelantan. Sebagai seorang yang begitu dalam kasihnya kepada negeri Kelantan, Allahyarham Ustaz Yusoff sering menyuarakan kebimbangannya terhadap keadaan politik Kelantan. Salah satu usaha yang dibuatnya sekembali ke Kelantan ialah menubuhkan syarikat percetakan yang diberi nama "Pustaka Dian".



Pustaka Dian merupakan sebuah syarikat penerbitan yang mempunyai potensi untuk menjadi sebuah penerbit yang terbesar. Pejabatnya yang asal ialah di bangunan UMNO Kelantan, Kota Bharu di Jalan Tengku Cik. Oleh kerana pejabat Utusan Melayu di tingkat dua, bangunan UMNO Kota Bharu, saya selalu bertemu dengan beliau dan sering juga bersarapan pagi dengannya. Beliau begitu seronok berbincang dengan saya mengenai masalah masa depan bangsa Melayu. Allahyarham banyak menulis buku-buku agama dan Psikologi.

Seorang lagi yang pertama kali saya mengenalinya ialah Datuk Dasuki Haji Ahmad yang ketika itu juga baru pulang dari menuntut di luar negeri.

## RANTAU PANJANG DAN GOLOK SYURGA BELI BELAH. . .

**N**ama Rantau Panjang memang telah lama terkenal di negeri Kelantan. Ia terkenal sebagai kawasan Bebas Cukai dan sering menjadi kunjungan pelawat-pelawat dari luar Kelantan, termasuk para pelancong luar negeri untuk berbelanja atau membeli belah.

Kebanyakan barangan yang dijual di Rantau Panjang seperti pakaian, kasut, beg tangan dan bahan-bahan wangian untuk lelaki dan perempuan. Kebanyakan barang-barang yang diniagakan adalah dari Thailand, termasuk jenama tiruan yang terkenal dan harganya murah pula.

Kata orang Kota Bharu, sesiapa orang luar yang tidak pergi ke Rantau Panjang untuk membeli belah, lawatan mereka ke Kelantan dikatakan tidak lengkap. Bagi kaum wanita pula, Rantau Panjang memang kawasan beli belah yang sentiasa menjadi tumpuan idaman dan tidak terlepas daripada bibir mereka terutama untuk mendapatkan barangan dapur seperti pinggan mangkuk, periuk, kuili selain pakaian.

Satu lagi kawasan yang menjadi tempat untuk mencari "hiburan istimewa" ialah Golok, Bandar Thailand di seberang Rantau Panjang, sebuah bandar bersempadan dengan Kelantan. Ia mudah dikunjungi oleh pelawat-pelawat dari Kelantan dan luar Kelantan melalui Sungai Rantau Panjang, yang jauhnya kira-kira 200 meter sahaja. Sungai Rantau Panjang atau Sungai Golok menjadi laluan orang Melayu Selatan Thailand yang tinggal di sekitar kawasan Selatan Thai, seperti Narathiwat, Patani, Yala dan lain-lain pekan di sekitarnya.

Para wartawan Kuala Lumpur yang datang ke Kelantan membuat liputan lawatan Menteri-menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri sering menggunakan kesempatan ke Golok mencari "hiburan" di sana. Biasanya wartawan-wartawan ini mendapat layanan khas pihak keselamatan kita dan pihak yang berkuasa Thailand di Golok bagi menjamin mereka selamat pergi dan balik dari pekan Golok atau pernah juga digelar sebagai "Pekan Koboi".

Sebenarnya bukanlah sesuatu yang luar biasa bagi anak-anak muda luar Kelantan yang bertugas di negeri itu mendapat atau bertemu jodoh dengan wanita-wanita di Kelantan. Mereka kebanyakannya bermastautin di Kelantan. Semasa di Kelantan, saya bertemu dengan beberapa orang dari Melaka yang telah berkahwin dan

beranak pinak dengan "Mek Kelantan".

Bagi mereka yang pernah bertugas di Kelantan atau melawat negeri Cik Siti Wan Kembang atau Serambi Mekah sudah pasti ingin datang kali kedua dan seterusnya kerana negeri Kelantan banyak kenangan manis dan selalu "Melambai-lambai" mereka, terutama apabila teringatkan senyuman manis dan menawan gadis-gadis Kelantan "Yang comel loteh" atau yang cantik manis itu.

## TIDAK MAHU BALIK SEMULA KE MELAKA

Pada satu hari hujung bulan Ogos, 1965 saya menerima panggilan telefon daripada Pengarah Urusan Utusan Melayu, Haji H.M Shah yang juga berasal dari Melaka memberitahu kemungkinan saya ditukarkan semula ke Melaka. Kepada H.M Shah yang biasa juga dipanggil Habib, saya katakan bahawa saya baru lima bulan bertugas di Kelantan dan kalau boleh saya mahu berkhidmat lebih lama lagi di negeri itu.

Sebenarnya sebelum itu saya telah pun mendapat bayangan tentang rancangan mengenai kepulangan saya ke Melaka. Hal ini diberitahu oleh Cikgu Burhan dan Allahyarham Karim Abu (Bekas Ahli Parlimen Kawasan Jasin) ketika mereka saya temui sewaktu mengikuti rombongan isteri Ketua Menteri Melaka, Asmah Alang melawat Kelantan.

Tidak lama selepas H.M. Shah memberitahu saya tentang pertukaran itu saya mendapat surat arahan berpindah ke Melaka. Saya memberitahu Tengku Razaleigh Hamzah bahawa saya tidak seronok hendak pulang ke Melaka. Saya suka berkhidmat di Kelantan.

"Kalau you tidak mahu balik ke Melaka you boleh berhenti dari Utusan Melayu dan saya akan dapatkan kerja dalam UMNO Negeri Kelantan," kata Tengku Razaleigh dalam pertemuan di rumahnya.



Bergambar dengan keluarga angkat sebelum bertolak ke stesyen keretapi Palekbang.

Akhirnya saya terpaksa menerima arahan Utusan Melayu, lagi pun saya ingin berkhidmat lagi kepada negeri kelahiran saya. Seminggu sebelum pulang ke Melaka, saya telah diraikan oleh sahabat-sahabat saya dengan jamuan makan tengahari dan malam. Saya amat terharu sekali menerima undangan mereka.

Pada hari saya akan berangkat pulang ke Melaka dengan keretapi dari stesen Palekbang, Tumpat, ramai sahabat-sahabat dan rakan-rakan menghantar kami sekeluarga, tidak kurang daripada 30 orang. Saya amat terharu dan hampir menitikkan air mata.

Saya amat terharu kerana begitu mesranya sahabat-sahabat dan rakan-rakan di Negeri Kelantan. Di antara mereka yang menghantar saya ialah Datuk Nik Hassan Yahya, Omar Hamid (bekas Pegawai Penerangan Kelantan), Ismail Hashim, Ramli Yassin, Ustaz Yusoff Zaki, Aziz Abu Hassan dan ramai lagi.

Perjalanan keretapi dari Tumpat ke Tampin mengambil masa 17 jam dan merupakan satu pengalaman baru. Saya bertolak jam 10.00 pagi dan tiba di Tampin jam lima pagi esoknya. Kali ini saya tinggal di Kampung Morten, satu kawasan kediaman Melayu yang dikenali juga dengan nama Kampung Bharu, Bandar Melaka.



Penulis dan isteri bergambar di stesyen keretapi Palekbang sebelum bertolak ke Tampin. Kanak-kanak yang bertengong itu ialah anak lelaki penulis, Saiful Azman. Kelihatan dalam gambar ialah Omar Musa saudara angkat penulis.

## DILANTIK JADI PENYUNTING UTUSAN KUALA LUMPUR

Seminggu selepas balik ke Melaka pada bulan September, 1965 saya menemui Ghafar Baba yang menjadi Ketua Menteri bagi penggal kedua. Hasil pertemuan itu membuatkan saya berasa tidak seronok bekerja di Melaka. Akhirnya selepas berada selama enam bulan saya menulis surat kepada Pengarah Urusan Utusan Melayu ketika itu, Datuk Hussin Nordin yang pernah menjadi Setiausaha Agung UMNO dan Ahli Parlimen Kawasan Parit, Perak minta ditukarkan ke Kuala Lumpur. Terus terang saya beritahu Datuk Hussin bahawa saya tidak begitu seronok lagi berkhidmat di negeri saya sendiri.

Akhirnya permintaan saya bertukar ke Kuala Lumpur diluluskan pada 5 April 1966. Saya mula bertugas sebagai Penyunting akhbar Utusan Melayu. Saya telah berazam untuk mempelajari perkara-perkara baru sebagai seorang penyunting. Sebagai penyunting saya ditugaskan menjaga 'page' dan membuat 'layout', menyunting berita dan juga menulis rencana.

Ketua Penyunting Utusan Melayu ketika itu ialah Allahyarham Ali Salim atau lebih dikenali sebagai JIRO dan pengarangnya pula Allahyarham Osman Abadi, sementara Ketua Pengarangnya ialah Allahyarham Datuk Melan Abdullah. Saya pernah berkhidmat di bawah Datuk Melan ketika bekerja di akhbar Melayu Raya di Singapura pada tahun 1953.

Saya tidak pernah menolak apa jua tugas yang diberikan kerana itulah azam saya untuk menjayakan kerjaya sebagai seorang penyunting. Satu jamuan telah diadakan oleh rakan-rakan saya seperti Datuk Burhan, Allahyarham Dr. Mohd Nor (PAS), Cikgu Aziz Tapa dan Allahyarham Hasnul Hadi, Ketua Parti Rakyat Melaka dan beberapa orang lain.



Membuat liputan lawatan Menteri Muda Pembangunan, Allahyarham Haji Khalid Awang Osman ke satu rancangan tanah pinggir di Melaka.

Saya masih ingat lagi ucapan beberapa orang kawan yang berkata saya adalah wartawan sejati yang menjalankan tugas tidak berat sebelah dan mempunyai kawan baik dari parti lawan atau parti Kerajaan.

Sewaktu berpindah ke Kuala Lumpur saya tinggal di Jalan Aman, kawasan Melayu di Bandar Lama, Petaling Jaya. Di kawasan itu dulu pernah menjadi kediaman beberapa orang kawan-kawan petugas Utusan Melayu yang pindah dari Singapura, antaranya Osman Awang (Tongkat Warant), Awamil Sarkam, Asraf, Samad Said, Salim Kajai, Keris Mas dan Rashidah Ismail.

Oleh kerana saya masih seronok dengan kerja-kerja 'reporting'. Saya mengambil kesempatan pada hari-hari cuti rehat berjumpa dengan Menteri-menteri yang pernah saya jumpa ketika melawat Melaka seperti Datuk Senu, Shariff Ahmad, Datuk Mohamad Rahmat yang pernah menjadi Setiausaha Parlimen dan kemudian menjadi Menteri Penerangan. Turut saya jumpa ialah Tun Ghafar Baba.

Semasa bertugas sebagai Penyunting akhbar Utusan Melayu saya pernah menjadi wakil Utusan Melayu dalam Majlis Kebangsaan Pengguna Malaysia yang pernah di pengerusikan Allahyarham Datuk Mohd. Sofee Ibrahim dan Datuk Dol Ramli bekas Ketua Pengarah Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Saya juga pernah dilantik menjadi Jawatankuasa Penerangan dan Publisiti Derma Tabung Pahlawan yang dipengerusikan Allahyarham Datuk Abu Bakar Jalal, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertahanan. Kami berjaya memungut derma untuk TABUNG PAHLAWAN. Lebih satu juta ringgit, derma yang tertinggi pernah dipungut untuk tabung tersebut yang pernah diadakan pada tahun itu.



Penulis (Tengah) berbual-bual dengan bekas Timbalan Ketua Pengarang Utusan Melayu, Allahyarham Ali Salim (Jiro). Di kiri Haji Nassaruddin Salleh, bekas sidang Pengarang Majalah Kiblat.

Saya juga terlibat dalam jawatankuasa Seranta dan Perhubungan yang ditubuhkan oleh RISDA yang dipengerusikan oleh Datuk Harun Ariffin bekas Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jawatankuasa Seranta itu terdiri daripada wakil akhbar dan media elektronik. Kami dibawa melawat kawasan rancangan di Baling yang tidak mendapat geran untuk usaha menanam semula. Hal ini telah menimbulkan rasa tidak senang Kerajaan Negeri Kedah.

Sebagai wartawan saya pernah juga dipilih menjadi jawatankuasa Pusat, Kesatuan Kebangsaan Wartawan-wartawan Malaysia dan Pengerusi Kesatuan Kebangsaan Wartawan-wartawan (NUJ) Cawangan Utusan Melayu. Satu perkara yang perlu disebut ialah kejayaan kami akhirnya di mana Kumpulan Utusan Melayu mewujudkan '*Collective Aggrement*' atau Perjanjian Bersama dengan pihak kami.

Pada bulan September 1969, saya telah berjumpa dengan Pengarah Urusan Bank Rakyat (Bank Kerjasama Rakyat Malaysia), Mansor Basir. Dalam pertemuan itu saya telah mencadangkan kepadanya supaya Bank Rakyat menerbitkan akhbarnya sendiri yang dinamakan "Berita Bank Rakyat". Pada tahun 1984 pula saya telah dilantik oleh Ketua Menteri Melaka ketika itu, Tan Sri Rahim Tamby Chik sebagai Penyunting akhbar rasmi Kerajaan Negeri SUARA MELAKA.



Penulis sedang melayani pelawat melawat Ibu Pejabat Utusan Melayu di jalan Chan Saow Lin di Kuala Lumpur.



## BERTUKAR SEMULA KE NEGERI PAHANG

Pada bulan Mac 1967 saya telah diminta oleh Ketua Pengarang Utusan Melayu ketika itu Datuk Melan Abdullah supaya mencari iklan untuk keluaran khas Harijadi Allahyarham Tun Razak yang akan disambut tidak lama lagi. Datuk Melan telah meminta saya supaya berjumpa dengan Menteri Besar Pahang, Allahyarham Tan Sri Haji Yahya Mohd. Seh bagi meminta bantuannya mendapatkan iklan-iklan dari syarikat-syarikat balak di Negeri Pahang.

Allahyarham Tan Sri Haji Yahya telah memberikan sepucuk surat meminta taukeh-taukeh balak di Pahang memberikan iklan kepada Utusan Melayu bagi disiarkan dalam keluaran khas Hari Jadi Allahyarham Tun Razak.

"Kalau awak dapat iklan banyak, awak kena balik bekerja lagi di Pahang," kata Tan Sri Yahya.

Usaha saya itu amat berjaya sekali di mana saya berjaya mendapat 10 muka iklan keluaran Hari Jadi Tun Razak pada tahun 1967. Saya kemudian telah diminta oleh Pak Melan supaya bertukar ke Pahang bagi kali kedua. Kali pertama dulu ialah pada tahun 1964.



Allahyarham Datuk Senu Abdul Rahman, Menteri Penerangan bercakap dengan wartawan-wartawan ketika melawat Bandar Kuantan pada tahun 1964. Penulis nombor dua dari kiri. Disebelah penulis ialah Lokman Hakim, wartawan The New Straits Time yang kemudiannya menyertai RTM.

Kali ini saya tidak lama bertugas di Pahang hanya selama lima bulan sahaja dan diarahkan pulang ke Ibu Pejabat kerana syarikat akan menerbitkan akhbar UTUSAN MALAYSIA pada 1 September. Penerbitan akhbar itu ialah sebagai mengambil sempena 10 tahun Bahasa Melayu atau Bahasa Rasmi Negara berdaulat di negara kita.

Pada tahun 1975 saya telah dilantik menjadi Ketua Penyunting akhbar Utusan Melayu sehinggalah saya bersara pada 1 Mac, 1988 setelah berkhidmat selama lebih 30 tahun dengan Syarikat Utusan Melayu.



Beberapa orang wartawan Utusan Melayu bergambar di hadapan rumah penulis (Bertengggong kiri) sempena rumah terbuka yang diadakan sempena hari raya Aidilfitri pada tahun 1982. Antara mereka ialah Ahli Parlimen kawasan Ulu Langat, Badrul Hisham Aziz dan Aziz Isah (Pengarang Utusan Malaysia).

## MENJADI WAKIL KHAS UTUSAN MELAYU PANTAI TIMUR

Saya telah dilantik oleh pihak Utusan Melayu untuk bertugas selama 40 hari sebagai WAKIL KHAS di negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Saya bertugas selama 40 hari menjelang pilihanraya umum pada tahun 1969. Pilihanraya tersebut telah berlangsung pada 10 Mei 1969. Saya ditempatkan di sebuah hotel di Bandar Kota Bharu.

Ada satu peristiwa yang berlaku yang tidak mudah hendak saya lupakan iaitu saya dimarahi oleh Tun Razak, Perdana Menteri, kerana membuat laporan tentang pelancaran pilihanraya peringkat negeri Kelantan. Saya telah menulis bahawa seramai 15,000 orang telah menghadiri pelancaran rapat umum itu. Esoknya ketika saya sedang menaiki tangga bangunan UMNO untuk ke Pejabat Utusan, Tun Razak yang jauh sedikit dari saya sama-sama menaiki tangga bangunan itu telah berhenti dan menoleh kepada saya.

Beliau berkata, saya telah memperkecilkan berita rapat umum yang dilancarkan malam kelmarin.

"Awak kata cuma 15,000 orang yang menghadiri rapat umum itu, tetapi rapat umum PAS awak tulis 35,000. Saya dah beritahu Melan," katanya serius.

Rupa-rupanya saya tidak sedar bahawa berita rapat Umum PAS itu yang ditulis oleh sahabat saya iaitu Ustad Rafek yang menjadi Pemberita Utusan Melayu di Negeri Kelantan. Sebaik-baik sahaja saya masuk ke pejabat Utusan Melayu, telefon berdering dan Nafisah memberitahu saya Pak Melan hendak bercakap dengan saya. Hati saya amat bimbang sekali dan bermacam kemungkinan yang saya fikirkan mengenai perkara itu. Sama ada saya dipanggil semula ke ibu pejabat atau saya disingkirkan dari Utusan Melayu.

Sebaik-baik mengangkat gagang telefon Pak Melan berkata : "Saya tidak salahkan awak. Awak bukan tidak biasa melihat rapat umum yang besar. Bagaimanapun kita ni makan gaji, kenalah berhati-hati menulis berita, apalagi sekarang ni kita menghadapi pilihanraya.

"Saya dah betulkan berita itu," kata Pak Melan. Hati saya begitu lega dan sejuk mendengar kata-kata Allahyarham Pak Melan yang rupa-rupanya memahami keadaan yang berlaku.

Beliau berpesan supaya lain kali apabila hendak menulis angka rapat umum UMNO tanyalah dulu orang-orang kuat UMNO. Bila saya berjumpa Datuk Abdullah Ahmad, Setiausaha Politik, Tun Razak, beliau pun berkata Tun Razak tidak senang hati dengan laporan itu.

"Lain kali berhati-hatilah," nasihat Abdullah yang pernah menjadi ahli Parlimen Kok Lanas, Kelantan.

Pada pilihanraya inilah kempen dan rapat-rapat umum dibenarkan diadakan secara terbuka. Pilihanraya inilah yang merupakan pilihanraya yang bersejarah dan sentiasa berada dalam keadaan tegang dan bergolak yang akhirnya menyebabkan berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Ia merupakan PILIHANRAYA BERDARAH. Dicetuskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Parti pembangkang yang menang besar pada pilihanraya yang diadakan itu dan menyebabkan puluhan orang terkorban. Ia dianggap satu pilihanraya yang mencatatkan sejarah hitam dalam amalan demokrasi di Malaysia.

Banyak isu yang panas dan hangat dijadikan bahan-bahan ceramah pada rapat-rapat umum, yang berbau perkauman dan bersifat menghasut oleh parti-parti pembangkang. Ekoran dari rusuhan kaum itu, kerajaan telah mengisytiharkan Darurat dan pembentukan Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan Allahyarham Tun Razak.

Saya pernah menulis dalam majalah MASTIKA tentang satu peristiwa yang berlaku menjelang pilihanraya umum itu yang dapat dianggap sebagai salah satu faktor berlakunya rusuhan 13 Mei itu.

Saya berkata bahawa ada kemungkinan bala yang menimpa negara kita pada 13 Mei itu disebabkan akibat kejadian SUMPAAH di antara Tengku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan Datuk Asri Haji Muda, pemimpin PAS yang menjadi Menteri Besar Kelantan ketika itu.

Pada satu ucapan pilihanraya umumnya di Kuala Berang, Kuala Terengganu, Tunku berkata bahawa pihaknya mempunyai bukti bahawa parti PAS mendapat wang dari luar negeri untuk belanja pilihanraya itu. Beliau mencabar Datuk Asri jika perkara itu tidak benar hendaklah bersumpah Al Quran dengannya di mana sahaja di negara itu.

Keesokan harinya selepas berita itu tersiar, Datuk Asri mengadakan sidang akhbar menyatakan kesediannya untuk bersumpah dengan Tunku. Tetapi Datuk Asri berkata, bersumpah cara Islam bukanlah dengan menjunjung Al Quran tetapi berlafaz menyebut nama Allah di dalam masjid.

Beliau bersedia bersumpah di dalam Masjid Muhamadiyah dan Tunku kemudian bersetuju bersumpah di Masjid Zahir, Alor Setar. Selesai upacara sumpah yang diadakan di Masjid Muhamadiyah, Kota Bharu, Datuk Asri memberitahu wartawan bahawa beliau bimbang SUMPAAH itu akan menyebabkan sesuatu bala berlaku menimpa negara ini. Dan kejadian rusuhan kaum pada 13 Mei itulah bala yang menimpa negara kita.

## DILANTIK JADI KETUA PENGARANG BINTANG TIMUR

Pada akhir bulan Januari, 1980 saya telah dipanggil masuk ke bilik Ketua Pengarang, Datuk Mazlan Nordin. Beliau memberitahu saya bahawa saya akan dilantik menjadi Ketua Pengarang akhbar Bintang Timur, yang dimiliki oleh Utusan Melayu (Malaysia) Berhad.

Sewaktu saya cuti rehat, saya dan keluarga pergi ke Pulau Pinang untuk membuat tinjauan sebelum berpindah memegang jawatan Ketua Pengarang Bintang Timur. Akhbar Bintang Timur diterbitkan oleh Syarikat Warta Negara Sendirian Berhad yang pernah menerbitkan akhbar bertulisan jawi bernama WARTA NEGARA.

Bintang Timur, akhbar bertulisan rumi. Di antara wartawan Utusan Melayu yang pernah berkhidmat sebagai pengarangnya ialah Mustaffa Suhaimi, A.R. Kamaluddin dan Salleh Yusoff. Sebelum saya dilantik sebagai Ketua Pengarang Bintang, Yusoff Sharif menjadi pengarangnya. Akhbar Bintang Timur dicetak oleh sebuah syarikat percetakan di kawasan Perindustrian Mak Mandin.



Peguam Datuk Darhan Singh dari Ipoh Perak mencrima hadiah kerana memenangi nombor bertuah daripada penulis dalam satu majlis malam keluarga akhbar Bintang Timur.

Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang masa itu ialah Allhyarham Tun Sardon Jubir, manakala Ketua Menteri ialah Lim Cheong Yew Pemimpin Parti Gerakan dan Setiausaha Kerajaan Negeri ialah Syed Jamalulail. Akhbar Bintang Timur yang merupakan akhbar bahagian Utara Semenanjung, bolehlah dikatakan sangat berpengaruh.

Akhbar itu pernah mengkritik Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dianggap mencuaikan penggunaan bahasa rasmi – Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu). Ekoran kritikan itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Syed Jamalulail telah mengadakan satu mesyuarat membincangkan perkara tersebut.

Mesyuarat itu telah bersetuju menubuhkan satu Jawatankuasa yang menangani soal penggunaan bahasa Kebangsaan oleh jabatan kerajaan dan swasta di Negeri tersebut. Saya menjadi salah seorang ahli jawatankuasa yang dibentuk itu.

Ketika bertugas di Pulau Pinang, saya berpeluang mengenali sasterawan negara, Shanon Ahmad yang ketika itu menjadi pensyarah di Universiti Sains Pulau Pinang, Cikgu Azizi Abdullah, sasterawan dan beberapa orang tokoh bahasa.

Setiap minggu rehat saya akan melawat ke kedai-kedai jualan akhbar untuk bertanyakan masalah pengedaran dan jualan akhbar Bintang Timur. Salah satu usaha saya untuk memajukan Bintang Timur ialah pengambilan wartawan-wartawan baru di antaranya ialah Faridah Hashim, Furkan Mokhtar, Zulkifli Ismail dan Hamid Muhammad.



Penulis sedang berucap di majlis makan malam anjuran Badan Keluarga Utusan Melayu yang diadakan di Hotel Hilton (sekarang Hotel Nirwana) Kuala Lumpur pada tahun 1976.

Akhbar Bintang Timur pernah menganjurkan Kursus Wartawan Pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan China , Han Chiang, Pulau Pinang. Dua orang daripada mereka berpeluang berlatih selama dua bulan di pejabat Bintang Timur. Satu lagi perkara yang saya buat ialah memperjuangkan kedudukan anggota sidang pengarang akhbar Bintang Timur yang begitu rendah sekali gaji mereka dan akhirnya bila akhbar Bintang Timur ditutup selepas saya ditarik balik ke Kuala Lumpur, mereka diserapkan menjadi anggota sidang pengarang Utusan Melayu (Malaysia) Berhad.

Saya telah diarah menjadi Pengarang Malam Utusan Malaysia selama hampir satu tahun dan kemudian bertugas semula sebagai Ketua Penyunting sehinggalah persaraan saya pada 1 Mac 1988.



Penulis sedang mengatakan sesuatu kepada Timbalan Menteri Muda Penerangan alahyarham Datuk Embong Yahya yang merasmikan Pesta Sukan RTM kawasan Utara pada tahun 1980.



Penulis sedang berucap pada satu majlis ceramah yang diadakan oleh sebuah cawangan MAYC di Negeri Kedah. Ketika menjadi Ketua Pengarang Bintang Timur pada tahun 1980.





Penulis sedang menemuibual pelakon Filem "Buluh Perindu" Rossini. Di kanan sekali ialah Shariif Medan. Nombor dua dari kiri ialah Bakar Yem dan dikiri sekali Bakaruddin, suami bintang filem Rossini. Gambar ini diambil pada tahun 1954.



Penulis sedang berucap pada majlis merayakan perantiknya sebagai Ketua Pengarang akbar Bintang Timur. Di kanan sekali bekas Pengurus Besar Utusan Melayu M Berhad, enik Mohamad Abu Bakar.

## Penutup

Buku 'Tempat Jatuh Lagi Dikenang' merupakan nukilan atau catatan daripada pengalaman selama 40 tahun penulis yang menceburkan diri dalam dunia kewartawanan. Seorang wartawan barat menyifatkan wartawan itu sebagai 'The King Without The Crown' iaitu ibarat seorang raja yang tidak bermahkota. Dia boleh bergaul dengan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira pangkat dan darjat, bergaul dengan semua lapisan atau golongan manusia.

Sebenarnya terlalu sedikit jumlah buku kisah catatan pengalaman wartawan yang telah diterbitkan untuk tatapan pembaca di negara ini jika dibandingkan dengan dunia kewartawanan barat.

'Lama hidup banyak dirasa, jauh perjalanan banyak pandangan dan luas pandangan kaya pengalaman.

Penulis berasa amat bersyukur kerana buku catatan ini dapat diusahakan penerbitannya oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) untuk diambil iktibar oleh generasi sekarang yang boleh menjadikannya pengajaran yang berguna.







# کن کاواسن بالق



ایالہ ساورغ یغ  
برت دان گیات  
۲۰ کاجیقن دان  
قاهغ.

تارون ترسوت.

سمبٹکو سفلس ایت ساي  
منداقت سورت ارهن سولاي  
قینده کنکوتا بهارو، کلتن.

کیتیک برخدمت دکواتن  
ساي سریق فرقی کتندر دراج  
فکن دان ساي مندالت فلواغ

برغو دهن تفکو عزم ایستری  
الرحوم سلطان ابو بکر، تفکو  
عزم ایالہ ایستری کدوا توانکو

ابو بکر، ابو کفد الرحوم تفکو  
عاریف بنداهارا ساورغ نوکوه  
کورفورت دماس حیاتن.

تفکو عزم کادغ ۲ مینا  
ساي دانغ کفکن، ملالوہی  
صحابة ساي حاج عبدالعزید

حسین یغ منجادی ستریف  
اوتوسن ملایو دبندر دراج  
ایت.

تفکو عزم ایالہ ساورغ یغ  
ساعت مغیبل برت دان گیات  
برکوقی دالم بادن ۲ کاجیقن

دان سوسیال دنکری قاهغ.  
یکیندا منجادی قاهورغ برال  
فرتوبوهن وایتا سقرتی فرکیه،

فرکو مقولن فرمقوان دان فدو  
فوتری.

ساي مغل رامای مفسر  
قاهغ یغ تیغکل دفکن،  
ترماسوق اذبرحم تفکو  
عاریف بنداهارا.

متری بسر قاهغ، داتوه یچی منیاس دیری سمیون مرپاه اوله فارا فدودوق کیک بلیا  
برکوخوغ کدایره-دایره دنکری ایت.



Utusan Melayu (UM); 11 Jun, 1997.

## سرونوق دنکری

قادیر احمد

سیری گاتم بلس

بکس گورو صحابه پاف ساودارا ساي. کلوارگان ساعت باهمن دان کران ایت ساي مفکف بلیار سبالکاي کلوارگ الحکت ساي. بیراف هاری سلس براد دکوتا بهارو ساي هورغی داتره محمد عصري حاج مودا، متري بسر کلتن. ساي مغنی بلیار سوقنو بلیار دانغ کمالاک اوتوق منجانکن کیمفین فارتن.

داتره عصري کیمیرا ساي برتوکر کلکوتا بهارو. بلیار برهاری ساي اکن برخدمت دغن باعین دنکری کلتن. "ساي تیدق سکت کیسن ورتاون. ساي ماهو ورتاون" برلاکو عادل دالم لمیری لیون برتا" کراجان کلتن. ساي ماهو ورتاون برسکف عادل دان تیدق برت سله، "کات داتره عصري.

بلیار جوگ نوروت میانکن هارتن اوتوق برغو دغن ساي. ساي فون برکات، میغ منجادی حسرت ساي اوتوق برغو بلیار.

سلس دوا بولن برتوکر کلکنن اتار کوتا بهارو، ساي برقیده کاعون امنو نکری کلتن دجان تفکو چی برهافن لنگوغ وایغ اودین. ساي ماسیه ایت لای ساودارا عبدالله طاهر تیگل دتیکت یغ سام. ماس ایت بلیار بلاجر دتیکت اتم. بلیار کمودین ماسوق اونوروسی

میغ فدماس دولو نکری کلتن ترکل دغن "کاف کچیل" اتار دسوت جوگ "کاف بوغکوس" کران جک برلاکو فینونهن، کاف کچیل اتار کاف بوغکوس منجادی منجانن. مولا ساي تیگل دجان

فادغ کاروغ، میوا بلیق یغ دلیا، ی اوله افرهم چیکو حاج محمد صالح، ساوغ

سولم برقیده کلکنن، ساي برتاھو افرهم ایه ساي. بلیار میغکن ساي سرفای فدای، "میارا دیری دنکری اورغ" "نکری کلتن ترکل دغن کاف کچیل" ایه ساي میغکن.

ساي برتاھو ایه ساي، کالار کیت بوات باعین تق کن دیالس جاهت فولا.

ساي برتوگس کلکنن تیدق لاما. دزی بولن می هیفک بولن شیخیر، 1965. کیرا لیم بولن. تنافی سرونوق برتوگس دنکری یغ ترکل جوگ دغن کلرن سرمی مکه دان چیق سیتی وان کیمغ، ملیهی درفد سرونوق ساي برتوگس سلاما لافن تاهون دملاک.



تفکو رزالی حمزه: ایت دسغی اوله رحمة کلتن.

# برتوگس کلنتن



اشرحیم دائره عصري

ريضاءالدين، دائره دوكتور  
عزيز عمر دان راماي لاکي.  
سوقو ساي برخمدت  
دکلتن، کيولن تفکو ززالي  
بارو سهاج باليق دري لندن  
کوان کماين ايپن تفکو  
حمزه، بلياو ماس ايت بلوم  
بکيو ترکل، تالي مروفاکن  
ساورغ توکوه مودا يغ ساعت  
برفونسي اونوق منجادي  
لميشين امنو نکري کلنتن.  
بلياو ساورغ توکوه مودا  
يغ سوک مرندہ ديري دان  
مفويماي فرکاءولن دغن سوا  
فيق، والو فون برکورون  
کلوارگ بفساون، تالي تفکو  
ززالي تيدق سوموغ. سوا  
اورغ سنغ هاتي بردمشين  
دغن.

با دان ساگر اين برکلر  
ريسور عباده طاهير.

بايق فرکارا يغ بوليہ  
فلاجري دنکري کلنتن،  
لاکي سياکاي ساورغ  
فرنام کالي منجققن  
کي دنکري ترسوت.  
سياکاي ساورغ لندودوق  
ي نکري "فتاي بارت"،  
ن فلان بارو يغ دالت  
ميا دري سکي کيهدولن،  
دست استادت دان بوادي  
غ کلنتن.

باکي ساي اورغ کلنتن  
غت مشرمني مريک يغ  
يغ بردالغ اتاو بکرجا  
نکري ايت. مريک اخلاص  
ل جوچور دالم برصحابه  
تا تيدق برسيفق لورا.

الف يغ دکمبرکن اوليه  
ح ايه ساي تنغ سبکف  
غ کلنتن ترهاتف اورغ لوار  
غت مليست سکالي.  
ک برسيفق اخلاص  
جوچور جک کيت  
گ برسيفق اخلاص دان  
جوچور ترهاتف مريک.

سماس برتوگس دکلتن  
ي فرنام ايت، ساي مغلي  
ي توکوه فوليپک دنکري  
کوا امنو نکري کيبک  
اياله اشرحيم تن سري  
احمد کاهيل يغ جوک  
رغ توکوه فرناکاهن يغ  
ل. تن سري نيک احمد  
ل فرنه منجادي يغ فلوروا  
ان رعيه.

لامين توکوه يغ ساي  
اياله سيناتور نيک حسن،  
يعقوب، تفکو



el.

[TAMAY]

کروي دجان، KF  
توق حاکيم اين ديوک مولايي فوکول 5.00 فغ هيگ



# دلانتیق كتوا قغارغ بینتغ تیمور

**قاسیم**  
ایبسیلم

7/8  
97

قادی احمد

سیری کدوا فولوه تیگ



داتوۋ مزلن نوردین

قد ساتو هاری اخیر بولن جانواری، 1980  
سای تله دفنگکل ماسوق کیلیق کوا لغارغ

کومشولن اوتوسن ملایو، انجیق مزلن نوردین.

مزلن میریتاهو سای بهارو  
قیق شریکه تله برستوجو میله  
دان ملاتیق سای سیاکای کوا  
لغارغ اخبار بینتغ تیمور، سواه  
اخبار یغ دتربیکن اولیه اتن

شریکه اوتوسن ملایو یغ برنام  
ورتا نگارا سندیرین برحد.  
سپرن، ورتا نگارا ایت  
سندیری ایاله اصلن سواه

اخبار یغ دتربیکن دولارو  
قیق سلبس فرغ دیا کدوا.  
کومشولن اوتوسن ملایو  
کمودین بیللی ورتا نگارا لالو

متریبیکن سواه اخبار برستوق  
تیلوهید یغ دبری نام بینتغ  
تیمور، ماناکالا میگلوان برنام  
میگلوان تیمور.

کتیک سای داتغ کیبتغ  
تیمور قفارنن ایاله یوسف  
شاریف یغ قرنه منجادی کوا  
میجا لوار نکری اوتوسن  
ملایو.

سای داینتغ تیمور تبدقله  
لاما چوما ستاهون سهاج.  
نامون دمکین سای مراس  
هفک کران برجای مینهفکین  
نسخه کلوران هارین ایت درقد

9,000 نسخه 12,000 مستورا  
میگلوان درقد 12,000 کلد  
20,000

برپاکای اوسها تله سای  
لاکونن اوتوق مناهفکین  
کورسوس، کورتاونن اوتوق

انقۋ مودا یغ نکچو بریمت.  
داتاران سای تله مفادانن  
کورسوس سلاما امتت میگو  
دسکوله نیکو چینا چوئ راه

سای تله مبري کسفتن کلد  
امتت اورغ فلاجرن اوتوق  
میگوتی کورسوس عملی  
کورتاونن یغ دادان قد ماس

چوتی سکوله فکل کوا  
سجارا کتونن کتیک سای  
مفدا لیکن بینتغ تیمور  
قیلیهتاری کچیل کواامن

بوکیت رای، فلد دادانک.  
قیلیهتاری کچیل ایت تله  
دمغی اولیه چالون بارسن  
ناسیول، الفیرحم حاج

صفیولن.  
سای مرتیما سورت  
انچمن، اته دري سیاق، یغ  
مفجم سای کران اخبار بینتغ

تیمور باقی ملافورکن برتا  
چالون بارسن ناسیول حاج  
صفیولن، یغ کتونن فولا ایاله  
ساورغ قلمیقین بلبا 4 ی.

نکری فدج.  
ساله ساتو فریستوا یغ  
میکن هوپوغن داتارا  
کراچانن نکری دان اخبار

اوتوسن ملیسا.  
بینتغ تیمور سای دتوق کایو  
قجابت اوتوسن ملایو دان  
دلانتیق منجادی لغارغ مالم  
اوتوسن ملیسا.

انتارا نوت بارو دان برساهه دفاريت ملان

**قلمیہ**  
ایہی سبیل

سیري کامنت  
26/5/97

**قادیر احمد**

مسلح ملون مرہ کھنک پٹی ٹیگ بیج  
انٹرنیشنل ڈیفنس اڈا ملان بی جینٹا  
لسریمینٹ جسٹیس آفیسر بناج ٹیگ  
ایہ جینٹا لہجہ "جسٹیس آفیسر"  
سالانہ 13 ہزاری سلونہ مرہیشی  
سرگڑاس مملو

ہای ساری مسلح ایف جی بیج ٹیگ  
فری کاکر ہائی ڈیفنس رسرہ بی ایف جی ٹیگ  
ملان ٹیگ ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان ٹیگ ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ایہی ڈیفنس ہاؤس ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ایہی ڈیفنس ہاؤس ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ایہی ڈیفنس ہاؤس ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ایہی ڈیفنس ہاؤس ہای ساری ڈیفنس ہاؤس



کھاڑک بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
کھاڑک بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
کھاڑک بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
کھاڑک بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
کھاڑک بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
کھاڑک بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
کھاڑک بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
کھاڑک بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس

ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس

Utusan Melayu (UM); 26 Mae, 1997.



**بغزای! بغزای!**



ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس  
ملان بیج ہای ساری ڈیفنس ہاؤس

Utusan Melayu (UM); 12 Mae, 1997.

**برخدمت کالی کدوا دنگري شاہغ**



کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ

**قادیر احمد**  
سیري کدوا دنگري شاہغ

کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ  
کالی کدوا دنگري شاہغ

Utusan Melayu (UM); 24 Julai, 1997.





# تيگ کاي ملاوت

## لوار نکري

**فيسٽيوا**  
ايمپيوسيلم

31/7

قادير احمد 97

سيري کڊوا ڦولوه دوا



ڦوليس برسام راڻن ورتاون سساس ملاوت نيو ڙيلند

دان جوگ ميسڪن ڪجھه ايمڻ  
هوليورڊ ڊري ڊڪٽ.

ڪامي جوگ ڊيري ڦلواغ  
ملاوت ڊيسيلنڊ، ڪاراسن  
ٿامن فرمائين بڻ ترمشهور  
ڊنيا. لائون سلاما امفت جم  
ايت تيدق منجوكوفي اوتنوق  
معنئي سموا فرمائين دان  
ڦوتوجوق ڊيسيلنڊ ايت.

سلاين درڦه ايت ڪامي  
برڦلواغ ملاوت زو ترمسر  
ڊنيا ياميت زو سن دهاڪو  
دان هوتن سافون بڻ ترمگل  
ايت.

سساس ملاوت لس  
ٽيگس، ڪامي ڊٽفٽڪن  
سدواه هوتيل ترمڪوم  
ڪيون.

ڊمان جودين برڦلسوغ 24  
جم. لس ٽيگس ميغ ترمگل  
سدلوروه دنيا ساڳائي شرگ  
جودي دان هيورن. ڪامي  
جوگ برڦلواغ ملاوت گرنڊ  
ڪيون.

سوقو ملاوت ڪيلغ  
بوغڻ، ڪامي دهاوا ڪسرات  
بهاڳين. ترماسوق بھائين ڊمان  
ڪافل ترمغ ڊينا اولهه بربو-  
ريو ٽاگ مائٽسي.

الف بڻ ماريڻن ڪامي  
جوگ نله ڊيري تعليمت تنغ  
ڦرنجھن شرڪهه بوغڻ اوتنوق  
مغلزارڪن ڪافل ترمغ بوغڻ  
سھيگڪ اعير ابد ائين.

ڪامي ترمقسا برڦانه باليق  
ڪلاڦن ترمغ سيدني.

ڊلاڦن ترمغ سيدني ڪامي  
ترمقسا منوغگو سلاما ساٿو  
جم گران ڪافل ترمغ ڪامي  
مغسي ميڻ، سايغ-بهايق  
ڪافل ترمغ ايت منروسڪن  
ڦرجائين، ڪٽنن ڪافل ميريٿوهو  
ڪامي بھارو ڪافل ترمغ ڪامي  
ٿادي نله ڪيوچورن ميڻ گران  
ساٿو ٽفٽ ڦوتوف ميڻ  
ڊسايڦ ڪيري ڪافل ترمغ  
ايت براء ڊانس لائون.  
ڪالوو ڊانس ڊارٽن، سوڊه  
نتوله اد ڪيائون اڪن برباڪو  
دان بركموغڪين ڪافل ترمغ  
ايت ملنوق، داودارا گران  
ڪيھائين ميڻ.

ڪالي ڪيگ ساي ملاوت  
اميريڪا برسام-سام دغڻ  
ورتاون ۶ اسيان ڊري  
سيفالورا، ٿايلنڊ، اينڊونسيا  
دان فيليپينا.

ڪامي منجادي تتامو  
سيفالور اير لائين گران  
شرڪهه ڦريڻن ايت معقيل  
ڪافل ترمغ ٿارون ڊڪيلغ بوغڻ  
ڊسائيل.

لاونن سلاما 10 هاري  
اين امنه ميريونڪن. ڊالم  
ڦرجائين ڪسائيل ايت. ڪامي  
سيگهه لوس ايجلس. سلاما  
يگ هاري ڊلوس ايجلس  
ڪامي برڦلواغ ملاوت سدويو  
ڦيلم هوليورڊ. ڪامي برڦلواغ  
ملبھت چاروا ڦيلم ديوان

سأوغ بڻ برخدمت ساڳائي ورتاون ياسان  
برڦلواغ ملاوت ڪلوار نڪري. سلاما منجادي  
ورتاون اوتونن ملايو، ساي برڦلواغ ملاوت لوار  
نڪري سايق تيگ ڪالي.

ڊوڪٽور سونڊريو.

سنيون ترهادڦ روميوڻ  
ڪامي سلاما ملاوت  
اينڊونسيا ايت امنه مرياه  
سڪالي دان ڪامي برڦلواغ  
منموڊي سڪٽڦ لائينن رعيه  
دان ڦيمڦين اينڊونسيا.

ڪالي ڪڊوا ساي برڦلواغ  
ملاوت نيو ڙيلند منجادي  
تتامو شرڪهه ڦريڻن اير  
يوڙيلند. ڪامي ملاوت ڦولواغ  
سلاسن دان اوتارا نيو ڙيلند  
سھيگڪ ڪڪاراسن سققان  
ڦلپ اوتارا.

اد سائو ڦيسٽيو بڻ تيدق  
ڊالٽ ساي دان اهلئي

روميوڻ لولا اياه ڪيگ  
ڊالم ڦرجائين ڪارڪنڊ لائون  
ترمغ يو ڙيلند سلقس ڪافل  
ترمغ، اير، نو ڙيلند سيگهه  
مغسي ميڻ سيدني. ساي  
ترلمھت ميڻ منجوره-چوره  
ڪلوار درڦه سايقن.

ڦوموق ۶ ڪافل ترمغ سوڊه  
ڪلھيٽن ڪلم-ڪايوت اٿار  
ڦائيڪ، مريگ تيدق نتو  
هالا برجائين ڪڏنن دان  
بلائج.

ٽياھ ڪٽنن ڪافل ترمغ  
ايت ميريٿوهو بھارو ڪافل ترمغ  
ايت سدغ مقهادڦي مسئله دان

ڪالي ڦرنام ساي برڦلواغ  
ملاوت اينڊونسيا سلاما  
10 هاري ڦڊ ٿاهون  
1961. ساي منڊالٽ  
ڦلواغ ميريٿاي روميوڻ  
ورتاون ۶ ملايا، ڊانٿارا اهلئي  
روميوڻ ايت اياه عايشه  
ڪائي، بڻ ڇيغ ڪوي  
(سٽياوسها اخبار بھڪو  
عبدالرحمن)، اڻڙيهرم صالح  
يوسف (ڪوا ڦيريٽا اوتونن  
ملايو) دان برباڦ ورتاون  
درڦه اخبار نيغ، سين چيو  
دان ٿاميل نيسن، نوروت سرٿا  
اياه ايه. صمد احمد درڦه  
ديوان بھاس دان ڦوسٽاڪ.

ڊائينڊونسيا ڪامي ملاوت  
بنڊوغ، سوڊاباي، سولو دان  
ڦولواغ بالي، اڻڙيهرم سو  
عبدالرحمن ڪيگ ايت  
منجادي دوتا ملبسيا  
ڪائينڊونسيا مراعيڪن ڪامي  
ڊغڻ جاموان ماڪن مالم  
ڊڪڊيامن.

ڊالم ماس لائون ايت  
ڪامي ڊجڊوالڪن برغو دغڻ  
ڦريسيڊن سوڪرنو. تاتالي اوله  
گران بيلوا مڦيريڻي ڦردان  
منٽري چينا چاو اين لاي  
ملاوت بالي، مگ ڪامي هان  
برڦلواغ منموڊي منٽري لوار.